

Muhammad Rashidi, Mohd Fauzi, Mohd Hizam, Ahmad El-Muhammady, Abdullaah, "Majalah *DABIQ* Sebagai Medium Propaganda," *Afkār* Vol. 23 Issue 2 (2021): 339-404

## MAJALAH *DABIQ* SEBAGAI MEDIUM PROPAGANDA PEMIKIRAN TAUHID ISLAMIC STATE OF IRAQ AND SHAM (ISIS)

*DABIQ* MAGAZINE AS MEDIUM OF PROPAGATION FOR  
THOUGHT OF *TAWHID* BY ISLAMIC STATE OF IRAQ  
AND SHAM (ISIS)

*Muhammad Rashidi Wahab\**, *Mohd Fauzi Hamat\*\**,  
*Mohd Hizam Hanafiah\*\*\**, *Ahmad El-Muhammady*  
*Muhammad Uthman El-Muhammady\*#*,  
*Abdullaah Jalil\*\*#*

\*Centre of Usuluddin Studies. Faculty of Islamic  
Contemporary Studies. Universiti Sultan Zainal Abidin.  
21300. Kuala Nerus. Terengganu. Malaysia.

\*\*Department of Aqidah and Islamic Thought. Academy of  
Islamic Studies. Universiti Malaya. 50603. Kuala Lumpur.  
Malaysia.

\*\*\*Institute of Islam Hadhari. Universiti Kebangsaan  
Malaysia. Bandar Baru Bangi. 43600. Selangor. Malaysia.

\*#International Institute of Islamic Thought and  
Civilisation. International Islamic University Malaysia  
(IIUM). Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin. Taman Duta.  
50480. Kuala Lumpur. Malaysia.

\*\*#Faculty of Economics and Muamalat. Universiti Sains  
Islam Malaysia. Bandar Baru Nilai. 71800. Nilai. Negeri  
Sembilan. Malaysia.

Email: \*\*mfhamat@um.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.22452/afkar.vol23no2.10>

### Abstract

Extremism is an emerging threat confronted by the Muslim world today manifested in the form of a group such as the Islamic State of Iraq and Syria (ISIS) or *al-Dawlah al-Islāmiyyah fī al-‘Irāq wa al-Shām* (DAESH). Undoubtedly, the existence of ISIS and its violence gave negative impacts on Islam and the Muslim ummah worldwide. What is more

concerning is that some Muslims in Malaysia were also influenced by ISIS and by so doing it poses threat to our national security. Thus, based on the textual analysis of ISIS document, this article seeks to examine the discourse of *tawhīd* advocated by ISIS, considering the fact that every act committed by Muslims is usually rooted in his or her belief system. To do this, this article focuses on the discourse of *tawhīd* as discussed in *DABIQ* magazine and it is chosen due to its significance since it is regarded as ISIS mouthpiece to spread its propaganda. Based on the analysis, the article identifies five key elements that constitute ISIS discourse of *tawhīd*, namely (i) the ideological strand of *Salafi-Wahabi*, (ii) three divisions of *tawhīd*, (iii) *tawhīd al-Walā' wa al-Barā'*, (iv) *tawhīd al-Hākimiyah*, and (v) takfirism. The analysis also concludes that ISIS *tawhīd* is not consistent with the mainstream framework of Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah and thus it should be repudiated.

**Keywords:** *DABIQ* magazine; Islamic State of Iraq and Sham (ISIS); *tawhīd*; Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah; extremism.

### **Khulasah**

Ekstremisme merupakan ancaman yang sedang dihadapi oleh dunia Islam hari ini dengan kemunculan kumpulan pengganas; *Islamic State of Iraq and Sham* (ISIS) atau *al-Dawlah al-Islāmiyyah fī al-'Irāq wa al-Shām* (DAESH). Kewujudan mereka dengan aksi keganasan melampau telah memberikan gambaran yang buruk terhadap agama dan umat Islam. Lebih membimbangkan, sebilangan umat Islam di Malaysia turut terpengaruh dengan ISIS sehingga memberi ancaman kepada keselamatan negara. Justeru, berdasarkan analisis kandungan dokumen, makalah ini dikemukakan bagi mengenal pasti pemikiran tauhid yang menjadi pegangan ISIS. Topik ini dipilih memandangkan setiap tindakan

yang dilakukan oleh seseorang Muslim selalunya didasari oleh pemikiran tauhid mereka. Walau bagaimanapun, makalah hanya memfokuskan kepada pemikiran tauhid yang terdapat dalam majalah rasmi ISIS yang bernama *DABIQ*. Majalah ini mempunyai kedudukan yang signifikan memandangkan ia adalah majalah rasmi ISIS yang pertama diterbitkan bagi menyebarkan propaganda mereka. Dalam hal ini, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat lima elemen utama pemikiran tauhid ISIS yang terkandung dalam majalah *DABIQ* iaitu; i) berpegang dengan aliran akidah Salafi-Wahabi, ii) berpegang dengan Tauhid Tiga, iii) berpegang dengan tauhid *al-Walā' wa al-Barā'*, iv) berpegang dengan tauhid *al-Hākimiyah*, dan v) bermudahan mengafirkan umat Islam (*takfīr*). Kajian juga mendapati pemikiran tauhid ISIS ini bertentangan dengan kefaamanan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, sekaligus ia perlu ditolak oleh seluruh umat Islam.

**Kata kunci:** Majalah *DABIQ*; *Islamic State of Iraq and Sham* (ISIS); pemikiran tauhid; Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah; ekstremisme.

## Pendahuluan

Dunia Islam pada hari ini sedang berhadapan dengan ancaman ekstremisme dengan kemunculan pelbagai kumpulan pengganas, antara yang terkenal ialah *Islamic State of Iraq and Sham* (ISIS) atau *al-Dawlah al-Islāmiyyah fī al-'Irāq wa al-Shām* (DAESH). Kumpulan ini berusaha keras menyebarkan idelologi mereka agar umat Islam dapat dipengaruhi untuk menyertai misi 'jihad' mereka dalam menegakkan Khalifah dan Negara Islam di Syria. Menurut kenyataan Polis Diraja Malaysia (PDRM), jumlah rakyat Malaysia yang menyertai kumpulan ISIS di Syria adalah membimbangkan. Sehingga awal 2017, direkodkan seramai 234 orang rakyat

Malaysia telah disyaki terlibat menyertai ISIS.<sup>1</sup> Daripada jumlah itu, seramai 53 orang masih lagi berada di Syria sehingga awal 2018. Selebihnya ada yang terbunuh, tidak dapat dikesan dan ada yang telah pulang ke Malaysia.<sup>2</sup> Perkembangan tersebut perlu diberikan perhatian yang serius oleh pihak kerajaan agar pengaruh ISIS di Malaysia dapat ditangani segera.

Ini kerana, sekalipun ISIS telah mengalami kejatuhan semua wilayah yang dikuasai mereka pada 23 Mac 2019, tetapi penyebaran ideologi mereka didapati terus berlaku di seluruh dunia termasuklah di Malaysia. Contohnya, pada 26 September 2019, PDRM melaporkan bahawa satu sel baharu ISIS gabungan rakyat Malaysia dan Indonesia membabitkan 12 individu yang berusia antara 22 hingga 36 tahun telah berjaya dilumpuhkan. Kumpulan ini aktif mempromosikan ideologi ISIS dan merekrut anggota baharu secara dalam talian (*online*) seperti laman sosial, serta merancang untuk melakukan serangan terhadap kedua-dua negara.<sup>3</sup> Disebabkan itu, kajian berkaitan pemikiran ISIS adalah perlu untuk diketengahkan agar masyarakat dapat diberikan pendedahan awal tentang ideologi ekstrem. Justeru, makalah ini bertujuan untuk meneliti ideologi ISIS melibatkan pemikiran tauhid yang

---

<sup>1</sup> Astro Awani, "234 rakyat Malaysia disyaki terbabit Daish ditahan - KDN," laman sesawang *Astro Awani*, 21 Mac 2017, dicapai 17 Julai 2019, <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/234-rakyat-malaysia-disyaki-terbabit-daish-ditahan-kdn-136268>

<sup>2</sup> Berita Harian, "53 anggota DAESH dari Malaysia masih di Syria," laman sesawang *Berita Harian*, 27 Februari 2018, dicapai 17 Julai 2019, <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2018/02/393637/53-anggota-daesh-dari-malaysia-masih-di-syria>

<sup>3</sup> Berita Harian Online, "Polis tahan 15 individu disyaki terbabit Daesh," laman sesawang *Berita Harian*, 26 September 2019, dicapai pada 28 September 2019, <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/09/611156/polis-tahan-15-individu-disyaki-terbabit-daesh>

menjadi prinsip serta pegangan yang mendasari perjuangan jihad mereka.

Aspek tauhid ini penting untuk dibincangkan kerana setiap tindakan yang dilakukan oleh seseorang Muslim adalah didasari oleh akidah yang merupakan tunjang utama dalam agama Islam.<sup>4</sup> Dalam ertikata lain, pegangan tauhidlah yang akan menentukan halatuju serta tindakan seseorang itu sama ada mereka akan menjadi manusia yang baik atau sebaliknya. Jika akidahnya benar, maka lahirlah manusia yang baik, jika akidahnya salah, maka lahirlah manusia yang tidak baik. Walaupun begitu, penulisan mengenai pemikiran tauhid ISIS sangat kurang diperkatakan berbanding dengan ideologi ISIS yang lain. Kebanyakan pengkaji lebih menumpukan kepada aspek jihad yang membawa kepada tindakan ganas ISIS membunuh para penentang dan musuh mereka.<sup>5</sup> Namun dalam konteks makalah ini, hanya pemikiran tauhid ISIS dalam majalah *DABIQ* sahaja yang dianalisis. Rumusan perbincangan diharap juga dapat membantu pihak berkuasa untuk melakukan usaha deradikalasi secara lebih berkesan.

### Latar Belakang Majalah *DABIQ*

Penelitian menunjukkan bahawa ISIS menggunakan dua pendekatan bagi menyebarkan ideologi dan propaganda mereka iaitu secara rasmi (*official*) dan secara tidak rasmi (*unofficial*). Pendekatan secara rasmi dilakukan oleh media rasmi ISIS dan pendekatan secara tidak rasmi pula dilakukan oleh para penyokong mereka. Namun seiring

---

<sup>4</sup> Muhammad Wahab, "Kepentingan Ilmu Akidah sebagai Dasar Utama Islam," *AL-SIRAT: Jurnal Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah* 15 (2015), 36-50.

<sup>5</sup> Siti Naqiyah Mansor, Salasiah Hanin Hamjah dan Izzah Nur Aida Zur Raffar, "Ideologi Gerakan *Islamic State of Iraq and Sham* (ISIS) di Malaysia," *ISLAMIYYAT: The International Journal of Islamic Studies* 40, no. 2 (2018), 95-103.

dengan zaman globalisasi, kedua-dua pendekatan ini terarah kepada menggunakan platform dalam talian. Antara produk ISIS yang termasuk dalam pendekatan secara rasmi ialah penerbitan majalah. Terdapat dua majalah rasmi yang diterbitkan oleh ISIS iaitu majalah *DABIQ* dan majalah *RUMIYAH*. Kedua-dua majalah ini diterbitkan secara digital dalam Bahasa Inggeris oleh AlHayat Media Center selaku pusat media ISIS, dan diterjemahkan dalam beberapa bahasa termasuklah Bahasa Indonesia.<sup>6</sup> Dalam konteks makalah ini, majalah *DABIQ* diterbitkan sebanyak 15 siri dengan siri pertama (siri 1) diterbitkan pada bulan Ramadan 1435 Hijrah, iaitu sekitar bulan Jun hingga Julai 2014.<sup>7</sup>

Berdasarkan tarikh terbitan pertama, didapati bahawa majalah *DABIQ* merupakan majalah terawal yang diterbitkan oleh ISIS selepas Khalifah ISIS, Abū Bakr al-Baghdādī, mengisyiharkan penubuhan kerajaan Negara Islam pada 29 Jun 2014 bersamaan 2 Ramadan 1435H.<sup>8</sup> Sedangkan majalah *RUMIYAH* hanya mula diterbitkan pada bulan Zulhijjah 1437H, sekitar bulan September hingga Oktober 2016, iaitu selepas hampir dua tahun penerbitan majalah *DABIQ*.<sup>9</sup> Ini bermaksud, majalah *DABIQ* mempunyai kedudukan signifikan kepada kelangsungan ISIS, khususnya dalam menyebarkan propaganda bagi menakutkan pihak musuh dan seterusnya dapat mempengaruhi umat Islam menyertai perjuangan mereka. Strategi sebegini biasa digunakan dalam mana-mana perang saraf. Disebabkan itu, majalah *DABIQ* siri 2

---

<sup>6</sup> Islamic State of Iraq and Sham, *DABIQ (Issue 1)* (t.p.: AlHayat Media Center, Ramadan 1435 Hijrah), 3.

<sup>7</sup> *DABIQ (Issue 1)*, 1.

<sup>8</sup> *Ibid.*, 7.

<sup>9</sup> Islamic State of Iraq and Sham, *RUMIYAH (Issue 1)* (t.p.: AlHayat Media Center, Zulhijjah 1437 Hijrah), 1.

turut dilancarkan oleh ISIS pada bulan Ramadan 1435H,<sup>10</sup> sedangkan pada bulan-bulan yang lain majalah *DABIQ* diterbitkan sebulan sekali atau dua bulan sekali.

Fakta ini menunjukkan bahawa ISIS begitu bersungguh-sungguh mengadakan kempen ‘jihad’ sebaik sahaja mereka berjaya menuju Negara Islam. Dari aspek penamaan, perkataan *dabiq* diambil dari sebuah wilayah bernama Dabiq yang terletak di utara Halab (Aleppo) di Syam atau Syria. Menurut ISIS, tempat ini disebutkan dalam sebuah hadith yang menjelaskan tentang beberapa kejadian *malāhim* (Armageddon), iaitu salah satu perang terbesar (atau terakhir) antara orang Islam dengan pasukan tentera Salib (Kristian) yang akan terjadi di sekitar wilayah Dabiq tersebut.<sup>11</sup> Dalam peperangan tersebut, orang Islam dilaporkan berjaya mengalahkan tentera Salib. Mereka diiktiraf sebagai umat dan tentera terbaik yang tidak akan terkena fitnah selama-lamanya. Manakala mereka yang terbunuh akan menjadi syuhada terbaik di sisi Allah SWT. Malah Rasulullah SAW turut mengaitkan bumi Syria dengan Nabi ‘Isa AS, Imam al-Mahdi dan Dajjal.<sup>12</sup> Hadith yang dimaksudkan oleh ISIS tersebut ialah:

لَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّىٰ تَنْزَلَ الرُّؤُمُ بِالْأَعْمَاقِ أَوْ بِدَابِقِ فِي حُرْجٍ  
إِلَيْهِمْ حَيْثُ مِنَ الْمُدِيَّةِ مِنْ خِيَارٍ أَهْلُ الْأَرْضِ يَوْمَئِذٍ فَإِذَا  
تَصَافُوا قَاتِلُ الرُّؤُمِ حَلُّوا بَيْنَنَا وَبَيْنَ الَّذِينَ سَبُّوا مِنَ نَّفَاتِهِمْ.  
فَيَقُولُ الْمُسْلِمُونَ لَا وَاللهِ، لَا تَخْلُى بَيْنَكُمْ وَبَيْنَ إِخْرَانَا.

<sup>10</sup> Islamic State of Iraq and Sham, *DABIQ* (Issue 2) (t.t.p.: AlHayat Media Center, Ramadan 1435 Hijrah), 1.

<sup>11</sup> *Ibid.*, 4; Islamic State of Iraq and Sham, *DABIQ* (Issue 3) (t.t.p.: AlHayat Media Center, Syawal 1435 Hijrah), 15; Islamic State of Iraq and Sham, *DABIQ* (Issue 4) (t.t.p.: AlHayat Media Center, Zulhijjah 1435 Hijrah), 33-34.

<sup>12</sup> *DABIQ* (Issue 3), 9.

فَيُقَاتِلُونَهُمْ فَيَنْهَا مُتَّلٌ لَا يَتُوبُ اللَّهُ عَلَيْهِمْ أَبَدًا وَيُعَذَّلُ  
ثُلَّهُمْ أَفْضَلُ الشُّهَدَاءِ عِنْدَ اللَّهِ وَيُفْتَحُ الْثُلُّ لَا يُفْتَنُونَ أَبَدًا  
فَيَقْتَلُونَ قُسْطَنْطِينِيَّةَ فَبِئْسَمَا هُمْ يَقْتَسِمُونَ الْعَنَائِمَ قَدْ عَلَّفُوا  
سُبُّوْقَهُمْ بِالرَّيْتُونِ إِذْ صَاحَ فِيهِمُ الشَّيْطَانُ إِنَّ الْمَسِيحَ قَدْ  
خَلَقُوكُمْ فِي أَهْلِكُمْ فَيَخْرُجُونَ وَذَلِكَ باطِلٌ فَإِذَا جَاءُوكُمْ  
الشَّامَ خَرَجَ فَبِئْسَمَا هُمْ يُعَدُّونَ لِلْقِتَالِ يُسْوِونَ الصُّفُوفَ إِذْ  
أَقْيَمَتِ الصَّلَاةُ فَيَنْزِلُ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ فَأَمْمَهُمْ فَإِذَا رَأَهُ عَدُوُّ  
اللَّهِ ذَابَ كَمَا يَذُوبُ الْجَلْبُخُ فِي الْمَاءِ فَلَوْ تَرَكَهُ لَانْذَابَ حَتَّى  
يَهْلِكَ وَلَكِنْ يَقْتُلُهُ اللَّهُ يَبْدِي دَمَهُ فِي حَرَبِهِ.

Terjemahan: Tidak akan berlaku hari kiamat sehingga Rom datang ke al-A'māq atau Dābiq (kedua-duanya di utara Halab, Syria). Lalu keluar tentera dari Madinah yang merupakan orang-orang terbaik di bumi untuk melawan mereka. Ketika mereka berbaris, Rom berkata: Tinggalkan kepada kami tawanan-tawanan itu sehingga kami dapat memerangi mereka. Maka berkata kaum Muslimin: Tidak, demi Allah, kami tidak akan menyerahkan saudara-saudara kami kepadamu. Kemudian mereka saling berperang. [Daripada jumlah itu] satu pertiga dari mereka akan lari, Allah tidak akan mengampuni mereka selama-lamanya. Satu pertiga akan terbunuh, mereka akan menjadi syuhada terbaik di sisi Allah. Satu pertiga lagi akan mengalahkan Rom, mereka tidak akan terkena fitnah selama-lamanya. Mereka akan menakluki Konstantinopel. Ketika mereka membahagikan ghanimah dengan meletakkan pedang di pokok zaitun, syaitan berkata: Al-

Masih [palsu] telah menemui keluarga kamu [yang ditinggalkan]. Maka mereka pulang [kepada keluarga], tetapi berita dari syaitan itu hanya pembohongan. Ketika mereka berada di Syam, dia (Dajjal) muncul. Namun ketika mereka bersiap untuk berperang dan membuat barisan, datang seruan solat. Maka turun 'Isa ibn Maryam mengimamkan (memimpin) mereka. Ketika musuh Allah (Dajjal) melihatnya, dia meleleh seperti garam di dalam air. Seandainya dibiarkannya tentu dia meleleh sampai habis, tetapi dia ('Isa) membunuh Dajjal dengan tangannya dan dia menunjukkan darah Dajjal di hujung tombaknya.<sup>13</sup>

Oleh itu, pengasas ISIS iaitu Abū Muṣ‘ab al-Zarqāwī, telah menggunakan hadith ini bagi mengistiharkan jihad dari Iraq sehingga ke Syria terhadap para musuh dan penentang mereka yang dianggap sebagai musuh Islam. Perkara ini sebagaimana yang disebutkan oleh beliau, seperti yang tercatat dalam setiap majalah *DABIQ*, iaitu, "api yang telah dinyalakan di sini, iaitu di Iraq, panasnya akan terus membesar - dengan izin Allah - akan sampai membakar tentera pasukan Salib di Dabiq".

Berdasarkan hadith itu juga, wilayah Dabiq dikatakan memainkan peranan yang besar dalam peperangan Islam untuk menakluki Konstantinopel dan Rom daripada tentera Salib.<sup>14</sup> Atas semangat ini, ISIS menamakan majalah pertama mereka tersebut sebagai majalah *DABIQ*. Walau bagaimanapun, majalah *DABIQ* ini tidak lagi dapat

<sup>13</sup> Abī al-Husayn Muslim ibn al-Ḥajjāj ibn Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Fitan wa Ashrāt al-Sā'ah, Bāb Fatḥ al-Qusṭunṭīyyah wa Khurūj al-Dajjāl wa Nuzūl 'Isā ibn Maryam, no. hadith: 2898, ed. Muhammad Fu'ad 'Abd al-Bāqī (Kaherah: Dār Ibn Ḥazm, 2008), 811-812.

<sup>14</sup> Islamic State of Iraq and Sham, *DABIQ* (Issue 1), 4.

diakses secara terbuka di Malaysia kerana ia telah disekat oleh pihak kerajaan bagi mencegah penularan ideologi ekstrem dalam kalangan masyarakat.<sup>15</sup>

### Kandungan Pemikiran Tauhid ISIS

Sebagai majalah pertama ISIS, majalah *DABIQ* diterbitkan bertujuan untuk memuatkan dasar-dasar utama yang menjadi pegangan dan perjuangan kumpulan ISIS antaranya meliputi topik tauhid, manhaj, hijrah, jihad dan *jamā'ah*.<sup>16</sup> Perkara ini penting sebagai proses indoktrinasi agar pemikiran umat Islam sentiasa terarah kepada membenarkan setiap tindakan ISIS, merekrut anggota baharu, dan pada masa yang sama dapat mengawal anggota mereka supaya terus kukuh mempertahankan perjuangan 'jihad' menegakkan sebuah Negara Islam.

Jika ISIS berjaya dalam propaganda ini, mereka dijangka akan terus kekal dalam peta dunia, atau setidak-tidaknya kekal dalam pemikiran sebahagian umat Islam. Dalam hal ini, ISIS telah berjaya menerbitkan 15 siri majalah *DABIQ* dengan siri terakhir diterbitkan pada bulan Syawal 1437H, iaitu sekitar bulan Julai hingga Ogos 2016.<sup>17</sup> Semua kandungan majalah atau artikel dikawal selia oleh Ahmad Abū Samrah selaku ketua editor majalah *DABIQ*. Rajah di bawah merupakan halaman hadapan bagi setiap keluaran majalah yang diterbitkan:


---

<sup>15</sup> Free Malaysia Today, "SKMM sekat Majalah Dabiq, Rumiyah sebar fahaman IS," laman sesawang *Free Malaysia Today*, 11 Mac 2017, dicapai 20 September 2019, <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2017/03/11/sk-mm-sekat-majalah-dabiq-rumiyah-sebar-fahaman-is/>


<sup>16</sup> Islamic State of Iraq and Sham, *DABIQ* (Issue 1), 3.

<sup>17</sup> Islamic State of Iraq and Sham, *DABIQ* (Issue 15) (t.p.: AlHayat Media Center, Syawal 1437 Hijrah), 1.


Muhammad Rashidi, Mohd Fauzi, Mohd Hizam, Ahmad El-Muhammady, Abdullaah, "Majalah *DABIQ* Sebagai Medium Propaganda," *Afkär* Vol. 23 Issue 2 (2021): 339-404



Muhammad Rashidi, Mohd Fauzi, Mohd Hizam, Ahmad El-Muhammady,  
Abdullaah, "Majalah *DABIQ* Sebagai Medium Propaganda," *Afkār* Vol. 23 Issue  
2 (2021): 339-404



Muhammad Rashidi, Mohd Fauzi, Mohd Hizam, Ahmad El-Muhammady, Abdullaah, "Majalah *DABIQ* Sebagai Medium Propaganda," *Afkār* Vol. 23 Issue 2 (2021): 339-404



Rajah 1: Halaman hadapan majalah *DABIQ* (15 siri)

Sehubungan itu, topik ini akan mengemukakan elemen pemikiran tauhid ISIS yang terkandung dalam majalah *DABIQ*. Dalam majalah *DABIQ* siri 1 (Ramadan 1435H) bertemakan *The Return of Khalifah*, ISIS

menyatakan bahawa setiap Muslim wajib mengiktiraf dan menyokong Negara Islam dengan berbaiah kepada Khalifah sekarang, Abū Bakr al-Baghdādī.<sup>18</sup> Ini kerana, dunia telah terbahagi kepada dua kutub iaitu; kutub Islam atau iman dan kutub kafir atau munafik. Orang beriman akan memilih Negara Islam ISIS memandangkan negara lain semuanya kafir dan murtad.<sup>19</sup> Menurut al-Zarqāwī, Khalifah tidak akan wujud kecuali melalui *jamā‘ah* yang berkumpul di bawah al-Qur'an dan sunnah berdasarkan kefahaman salaf serta bersih dari sikap *Murji‘ah* dan *Khawārij*. Fokus utama *jamā‘ah* mestilah menegakkan tauhid meliputi *al-Walā’ wa al-Barā’* dan hukum-hakam dan *tashri‘*. Maka kelompok *murtaddin* Sunni dan Shī‘ah (*Rāfi‘ah*) yang menyokong tentera Salib dan tidak bersama perjuangan ISIS perlu diperangi kerana mereka menerima demokrasi yang merupakan syirik besar.<sup>20</sup>

Dalam majalah *DABIQ* siri 2 (Ramadan 1435H) bertemakan *The Flood*, Abū Muḥammad al-‘Adnānī selaku jurucakap ISIS menolak tuduhan sesetengah pihak bahawa tindakan ISIS lebih ekstrem dari Khawārij dan mencabar Abū ‘Abd Allāh al-Shāmī, salah seorang pemimpin Jabhah al-Jawlānī, untuk bermubahalah (sumpah lakinat) mengenai dakwaannya itu.<sup>21</sup> Menurut ISIS, mujahidin adalah manusia paling benar akidah mereka terutamanya berkaitan nama, sifat dan perbuatan Allah SWT. Mereka berpegang dengan akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah bahawa perbuatan Allah SWT adalah merangkumi sifat keadilan, kebijaksanaan dan rahmat. Pendirian ini bertentangan dengan Ashā‘irah yang meyakini bahawa sifat kebijaksanaan telah 'membatasi' perbuatan Allah SWT. Ini bermaksud, Ashā‘irah tidak

<sup>18</sup> Islamic State of Iraq and Sham, *DABIQ* (Issue 1), 40.

<sup>19</sup> *Ibid.*, 10.

<sup>20</sup> *Ibid.*, 35-36.

<sup>21</sup> Islamic State of Iraq and Sham, *DABIQ* (Issue 2), 20, 22.

mempercayai kebijaksaan dan rahmat tersebut kerana mereka memahami Allah SWT perlu 'berbuat kebaikan' kepada makhlukNya. Termasuk akidah mujahidin juga adalah berbaik sangka terhadap Allah SWT dan jika sebaliknya adalah kesesatan dan kekufuran.<sup>22</sup>

Dalam majalah *DABIQ* siri 3 (Syawal 1435H) bertemakan *A Call to Hijrah*, ISIS menyeru umat Islam untuk berhijrah ke Syria bersama-sama dengan Negara Islam sebagai *al-ghurabā'*, sepertimana disebutkan dalam hadith Rasulullah SAW<sup>23</sup> dan juga dilakukan oleh Nabi Ibrahim a.s.<sup>24</sup> Maka berhijrah dari negara kafir sekular ke Negara Islam untuk berjihad adalah suatu kewajipan (fardu ain) kepada setiap orang Islam, sekalipun kepada mereka yang sedang belajar atau menuntut ilmu.<sup>25</sup> Sehubungan itu, ISIS selaku golongan akhir (khalf) berjanji akan beriman dengan apa yang diimani oleh golongan awal (*salaf*) umat Islam, terutamanya berhubung perkara ghaib, sekalipun tidak pernah berjumpa dengan Rasulullah SAW.<sup>26</sup> ISIS juga mengingatkan umat Islam agar tidak bersekongkol dengan tentera Salib dan sekutunya. Mana-mana *shu 'ayyāt* yang ditangkap akan dikenakan hukuman, termasuklah bunuh, kerana mereka dianggap murtad, sebagaimana yang dipersetujui oleh al-Zarqāwi.<sup>27</sup>

Dalam majalah *DABIQ* siri 4 (Zulhijjah 1435H) bertemakan *The Failed Crusade*, ISIS menyatakan bahawa agama Islam dijanjikan dengan kemenangan dan Allah SWT pasti akan memberikan pertolongan kepada

---

<sup>22</sup> *Ibid.*, 23.

<sup>23</sup> Islamic State of Iraq and Sham, *DABIQ* (Issue 3), 5-8.

<sup>24</sup> *Ibid.*, 10-11.

<sup>25</sup> *Ibid.*, 26.

<sup>26</sup> *Ibid.*, 7.

<sup>27</sup> *Ibid.*, 12-14.

bala tenteraNya<sup>28</sup> dari kalangan *muwahhidin* dan pahlawan tauhid yang beriman dengan *al-Walā' wa al-Barā'*.<sup>29</sup> Selaku ahli tauhid yang taat kepada Allah SWT, para mujahidin akan menjalankan hukum Allah dan menegakkan hudud dalam negara Islam.<sup>30</sup> Mereka berhak merampas harta benda orang kafir dan syirik sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah SAW<sup>31</sup> dan kematian mereka adalah syahid.<sup>32</sup> Hati yang jauh dari al-Quran, sunnah dan *athār* salaf sahaja yang tidak mempercayai jihad ini kerana terikat dengan materialisme, falsafah dan bidaah dari golongan khalaf dan Mu'tazilah.<sup>33</sup> Oleh itu, mereka yang tidak bersama Negara Islam adalah tergolong dalam kalangan orang murtad dan taghut.<sup>34</sup>

Dalam majalah *DABIQ* siri 5 (Muhamarram 1436H) bertemakan *Remaining and Expanding*, ISIS menegaskan bahawa setiap mujahidin yang *muwahhidin*, khususnya di tanah Arab, mesti berbaiah taat setia kepada khalifah untuk melakukan jihad.<sup>35</sup> Ini kerana, tanah Arab adalah tanah tauhid.<sup>36</sup> Dari tanah Semenanjung Arab yang diberkati inilah cahaya Islam menyebar ke seluruh pelusuk dunia dengan petunjuk al-Quran dan dukungan pedang. Disebabkan itu, Muhammad 'Abd al-Wahhāb menghidupkan kembali jihad atau dakwah tauhid serta *al-Walā' wa al-Barā'* dengan mengajak umat Islam untuk berdiri teguh dengan sunnah Rasulullah SAW. Malah

<sup>28</sup> Islamic State of Iraq and Sham, *DABIQ* (Issue 4), 3.

<sup>29</sup> *Ibid.*, 4; 9; 35.

<sup>30</sup> *Ibid.*, 22.

<sup>31</sup> *Ibid.*, 10-11.

<sup>32</sup> *Ibid.*, 6-7.

<sup>33</sup> *Ibid.*, 36.

<sup>34</sup> *Ibid.*, 43.

<sup>35</sup> Islamic State of Iraq and Sham, *DABIQ* (Issue 5) (t.p.: AlHayat Media Center, Muhamarram 1436 Hijrah), 22.

<sup>36</sup> *Ibid.*, 25.

dalam majalah *Sawt al-Jihād*, semua mujahidin diseru agar terus berjihad kepada tauhid yang murni dan bebas daripada *irjā'*, dengan mengakui bahawa tentera Arab Saudi serta golongan Shi'ah adalah orang kafir. Para mujahidin diminta untuk menghunus pedang iaitu membunuh mereka di mana sahaja ditemui, dengan memotong tubuh badan mereka sehingga mereka berasa takut untuk hidup.<sup>37</sup>

Dalam majalah *DABIQ* siri 6 (Rabiulawal 1436H) bertemakan *al-Qa'idah of Waziristan*, ISIS mengkritik al-Qaeda yang didapati tidak berjaya dalam jihad mereka kerana berpegang dengan konsep *irjā'*. Menurut mujahidin Abū Jarīr al-Shamālī, al-Qaeda di Waziristan tidak menjalankan hukum Allah SWT, tidak mengafirkan Shi'ah dan membiarkan tentera Pakistan, bahkan menuduh ISIS sebagai Khawārij, *takfīrī* dan pembunuhan umat Islam.<sup>38</sup> Hal ini selari dengan pendirian Ayman al-Zawāhīrī yang tidak menghukum murtad kepada penentang usul syariat *al-Hākimiyah*.<sup>39</sup> Disebabkan itu, mujahidin ISIS pergi ke utara Waziristan untuk bergabung dengan mujahidin berakidah Salafi di sana.<sup>40</sup> Sepatutnya al-Qaeda mencontohi Jamā'ah al-Tawhīd di Jordan yang berpegang dengan *al-Walā' wa al-Barā'* yang diambil daripada al-Quran serta kitab-kitab tauhid Abū Muhammad al-Maqdisī, 'Abd al-Qādir ibn 'Abd al-'Azīz, Ibn Taymiyyah dan Ibn Qayyim. Malah mereka berani menyanggah kelompok sesat seperti Ikhwān al-Muslimīn, Jamā'ah al-Tablīgh dan para sufi.<sup>41</sup>

---

<sup>37</sup> *Ibid.*, 26-27.

<sup>38</sup> Islamic State of Iraq and Sham, *DABIQ* (Issue 6) (t.t.p.: AlHayat Media Center, Rabiulawal 1436 Hijrah), 43-44; 53.

<sup>39</sup> *Ibid.*, 19.

<sup>40</sup> *Ibid.*, 46.

<sup>41</sup> *Ibid.*, 40.

Dalam majalah *DABIQ* siri 7 (Rabiulakhir 1436H) bertemakan *From Hypocrisy to Apostasy*, ISIS menyatakan bahawa penyerang akhbar Charlie Hebdo merupakan seorang yang kuat berpegang kepada al-Quran dan hadith, tidak bertaklid dengan ulama dan memiliki kebenaran tauhid serta *al-Walā' wa al-Barā'*.<sup>42</sup> Dalam hal ini, Islam sebetulnya ditafsirkan sebagai *istislām* (penyerahan) dan *salāmah* (keikhlasan) dalam penyembahan Allah SWT, bukan ditafsirkan sebagai *salām* (damai). Penyembahan tersebut pula hendaklah tanpa mengadakan sekutu atau sembahana selainNya. Namun orang-orang zindik telah mengubah makna *Lā Ilāha Illā Allāh* dan berdusta atas nama Islam apabila mereka menyembah orang mati. Perbuatan syirik ini sama seperti musyrikin Arab yang sekadar mempercayai Allah sebagai pencipta tetapi beribadat kepada tuhan lain. Memetik kata-kata Ibn Taymiyyah, ISIS menegaskan bahawa kalimah syahadah *Lā Ilāha Illā Allāh* adalah menetapkan bahawa Allah SWT sahaja yang memiliki *ilāhiyyah* yang berhak untuk diibadati dan ditaati oleh manusia.<sup>43</sup>

Dalam majalah *DABIQ* siri 8 (Jamadilakhir 1436H) bertemakan *Shari'ah Alone will Rule Africa*, ISIS menjadikan baiah dari Jamā'ah Ahl al-Sunnah li al-Da'wah wa al-Jihād di Afrika Barat terhadap Khalifah sebagai bukti wujudnya kesatuan di bawah bendera tauhid dalam jihad melawan musuh-musuh Allah SWT. Sedangkan nasionalisme berbeza dengan dasar agama Islam daripada akidah *al-Walā' wa al-Barā'*.<sup>44</sup> Justeru,

<sup>42</sup> Islamic State of Iraq and Sham, *DABIQ* (Issue 7) (t.p.: AlHayat Media Center, Rabiulakhir 1436 Hijrah), 69-70.

<sup>43</sup> *Ibid.*, 22-24.

<sup>44</sup> Islamic State of Iraq and Sham, *DABIQ* (Issue 8) (t.p.: AlHayat Media Center, Jamadilakhir 1436 Hijrah), 14-16.

<sup>45</sup> *Ibid.*, 7-8.

mereka yang tidak menyokong ISIS adalah golongan Murji'ah yang berpegang dengan konsep bidaah sesat *irjā'* yang menyatakan iman sekadar dalam hati tanpa memerlukan tindakan.<sup>46</sup> Antara mereka yang termasuk dalam golongan bidaah ini ialah pendakwa Salafiyyah pro Saudi, Jahmiyyah (*irjā'* ekstrem yang menafikan sifat-sifat Allah SWT), Ikhwān al-Muslimīn, golongan sufi dan *qubūriyyūn* (penyembah kubur).<sup>47</sup> Sedangkan akidah mujahidin adalah Ahl al-Sunnah yang bertentangan sama sekali dengan akidah Deobandi yang menyimpang, antaranya dari aspek *al-Asmā' wa al-Šifāt* dan *irjā'*.<sup>48</sup>

Dalam majalah *DABIQ* siri 9 (Syaaban 1436H) bertemakan *They Plot and Allah Plots*, ISIS menyatakan bahawa orang Arab jahiliyyah juga mengakui ketuhanan Allah SWT sekalipun mereka syirik dalam banyak keadaan berhubung perkara-perkara ghaib seperti menyembah dan berdoa kepada berhala. Mereka meyakini bahawa berhala itu, serta raja-raja mereka, turut memiliki kekuasaan, pengetahuan dan pemilikan. Malangnya syirik ini telah memasuki hati dan pemikiran pemimpin, ulama dan pendakwah Islam yang menggambarkan musuh-musuh Islam mendekati sifat *rubūbiyyah* Allah SWT.<sup>49</sup> Sedangkan mujahidin berdiri di atas tauhid dan manhaj yang benar iaitu Ahl al-Sunnah, sebagaimana ditunjukkan oleh mujahidin Hudhayfah al-Bathtāwī yang syahid melawan Shi'ah dan musuh-musuh Allah SWT yang *murtaddīn*.<sup>50</sup> Maka setiap umat Islam perlu berhijrah kepada Khalifah yang berdiri di atas manhaj kenabian

<sup>46</sup> *Ibid.*, 39-41.

<sup>47</sup> *Ibid.*, 53-54.

<sup>48</sup> *Ibid.*, 30.

<sup>49</sup> Islamic State of Iraq and Sham, *DABIQ* (Issue 9) (t.t.p.: AlHayat Media Center, Syaaban 1436 Hijrah), 15.

<sup>50</sup> *Ibid.*, 40-41.

untuk meninggikan kalimah *Lā Ilaha Illā Allāh* dengan pedang.<sup>51</sup>

Dalam majalah *DABIQ* siri 10 (Ramadan 1436H) bertemakan *The Law of Allah or The Laws of Men*, ISIS menegaskan bahawa Negara Islam satu-satunya negara di dunia yang menegakkan syariat Allah SWT, mengikut manhaj Nabi Muhammad SAW, para sahabat dan golongan salaf.<sup>52</sup> Mereka yang bersama-sama Khalifah adalah termasuk dalam kalangan *al-Tā'iraf al-Manṣūrah* (golongan yang mendapat pertolongan dan kemenangan) kerana ISIS telah membawa Islam yang berteraskan tauhid yang tiada kesyirikan dan iman yang tiada kemunafikan.<sup>53</sup> Ini bermaksud, berhijrah dari negara kufur kepada Negara Islam merupakan fardu ain ke atas setiap Muslim sekalipun tidak dibenarkan oleh ibu bapa. Para *muwahhidin* yang mempunyai kekuatan tauhid sebenar hanya akan memilih kecintaan dan ketaatan kepada Allah SWT sahaja.<sup>54</sup> Sikap ini sebagaimana juga ditunjukkan oleh para mujahidin lain yang memiliki akidah tauhid yang murni melalui *al-Walā' wa al-Barā'*.<sup>55</sup>

Oleh itu, sesiapa yang mendukung orang yang memerangi negara Islam adalah kufur seperti pendakwa Salafi dari Ikhawani dan pro-Saudi, sufi, *qubūriyyūn*, *Jahmiyyah*, *Ashā'irah* dan lain-lain.<sup>56</sup> Memetik kitab *al-Durar al-Saniyyah*, ISIS mendakwa bahawa keadaan yang berlaku sekarang lebih teruk daripada zaman Ibn Sa‘ūd dan Muḥammad ‘Abd al-Wahhāb kerana prinsip-prinsip tauhid telah dihancurkan. Ibn Sa‘ūd bertindak menghantar

---

<sup>51</sup> *Ibid.*, 46-47.

<sup>52</sup> Islamic State of Iraq and Sham, *DABIQ* (Issue 10) (t.p.: AlHayat Media Center, Ramadan 1436 Hijrah), 50; 20-22.

<sup>53</sup> *Ibid.*, 42-43.

<sup>54</sup> *Ibid.*, 15-16; 29.

<sup>55</sup> *Ibid.*, 38; 40.

<sup>56</sup> *Ibid.*, 53; 55.

surat kepada kerajaan ‘Uthmāniyyah dengan mencabar mereka untuk menghancurkan berhala, kubah dan binaan di kuburan yang menjadi tempat berdoa dan beribadat golongan sufi. Perbuatan ini merupakan syirik bidaah yang membatalkan keislaman seseorang Muslim.<sup>57</sup> Seterusnya ISIS memetik fatwa Ibn Taymiyyah yang mewajibkan untuk memerangi golongan sesat yang menolak akidah Ahl al-Sunnah tentang tauhid *al-Asmā' wa al-Šifāt*, Qada' dan Qadar, sabahat dan *jamā'ah*.<sup>58</sup>

Dalam majalah *DABIQ* siri 11 (Zulkaedah 1436H) bertemakan *From The Battle of al-Ahzab to War of Coalitions*, ISIS menyatakan bahawa sekalipun negara Islam diserang hebat, tetapi Khalifah masih bertahan disebabkan oleh pegangan yang kuat terhadap tauhid dan *al-Walā' wa al-Barā'*.<sup>59</sup> ISIS hanya berjihad untuk meninggikan kalimah Allah SWT berdasarkan petunjuk al-Quran dan manhaj kenabian.<sup>60</sup> Dalam hal ini, tauhid dan iman yang benar mesti berdasarkan al-Quran dan sunnah tanpa bertaklid kepada buku-buku tertentu. Namun umat Islam kini ditipu oleh pendakwa Salafi atau Ahl al-Sunnah yang mendukung para taghut dengan menyatakan bahawa politik bidaah dan murtad seperti demokrasi adalah daripada Islam.<sup>61</sup> Oleh itu, umat Islam mesti menyertai Negara Islam melawan musuh-musuh Khalifah, seperti mana yang ditunjukkan oleh golongan Salafi-Wahabi di Balkan.<sup>62</sup> Memetik fatwa Muḥammad ‘Abd al-Wahhāb, ISIS menegaskan bahawa salah satu sebab

---

<sup>57</sup> *Ibid.*, 59-60.

<sup>58</sup> *Ibid.*, 63.

<sup>59</sup> Islamic State of Iraq and Sham, *DABIQ* (Issue 11) (t.p.: AlHayat Media Center, Zulkaedah 1436 Hijrah), 46-47.

<sup>60</sup> *Ibid.*, 20.

<sup>61</sup> *Ibid.*, 10-11.

<sup>62</sup> *Ibid.*, 54; 57.

terbatalnya keislaman seseorang ialah membantu kaum musyrikin memerangi kaum Muslimin.<sup>63</sup>

Dalam majalah *DABIQ* siri 12 (Safar 1437H) bertemakan *Just Terror*, ISIS terus menegaskan bahawa para mujahidin adalah pahlawan tauhid dan jihad kerana mereka sanggup mengorbankan jiwa dan amal salih semata-mata kepada hakim yang sebenar iaitu Allah SWT. Sebaliknya al-Qaeda dan Taliban melawan *al-Walā' wa al-Barā'* dengan bersekongkol dengan para *tāghūt*.<sup>64</sup> Hal ini menunjukkan bahawa telah hilang tauhid *al-Walā' wa al-Barā'* sehingga *irjā'* menguasai diri mereka, tidak seperti ISIS yang tegas menegakkan hukum Allah SWT dengan prinsip *al-Walā' wa al-Barā'*.<sup>65</sup> Disebabkan itu, tentera Taliban yang kembali ke Bangladesh memiliki kesalahan dalam akidah dan manhaj mereka berkaitan tauhid *al-Walā' wa al-Barā'*. Namun perkara ini dapat diatasi dengan tertubuhnya Jamā'ah al-Mujāhidīn di tengah-tengah kehidupan syirik dan bidaah itu, dengan menjadikan al-Quran dan sunnah berdasarkan kefahaman salaf sebagai pegangan serta perjuangan mereka.

Namun sebahagian mujahidin mula lemah pegangan terhadap *al-Walā' wa al-Barā'* apabila pemimpin mereka terbunuh sehingga ditekan meninggalkan fahaman salaf. Justeru, ISIS menolak kenyataan pemimpin al-Qaeda, Abū Mus‘ab al-Sūrī, yang meminta mujahidin tidak menyerang kelompok *qubūriyyūn*, Ashā‘irah, bidaah dan taklid, tidak mengkafirkkan Shī‘ah serta bersikap lunak terhadap nasionalis Arab.<sup>66</sup> Pada masa yang sama, anak-anak di sekolah sekular diajar dengan pendidikan kafir dan syirik bertujuan untuk menghapuskan *al-Walā' wa al-Barā'* dari

<sup>63</sup> *Ibid.*, 7.

<sup>64</sup> Islamic State of Iraq and Sham, *DABIQ* (Issue 12) (t.tp.: AlHayat Media Center, Safar 1437 Hijrah), 3-4.

<sup>65</sup> *Ibid.*, 13-15; 46.

<sup>66</sup> *Ibid.*, 38-39.

hati umat Islam.<sup>67</sup> Perkara ini bertentangan dengan perjuangan Khalifah yang sentiasa menjunjung tinggi akidah, manhaj Islam, sunnah dan *jamā‘ah* berdasarkan konsep *al-Walā’ wa al-Barā’*.<sup>68</sup> Oleh itu, umat Islam mesti keluar dari Darul Kufur yang terdapat Masjid Dirar dari kelompok menyeleweng seperti Ikhwān al-Muslimīn, para sufi, Jamā‘ah al-Tablīgh, Deobandi dan lain-lain.<sup>69</sup>

Dalam majalah *DABIQ* siri 13 (Rabiulakhir 1437H) bertemakan *The Rafidah from Ibn Saba’ to The Dajjal*, menurut ISIS, selain mengkafirkan para sahabat, antara sebab Shi‘ah mesti dikafirkan adalah kerana mereka menyembah kuburan dengan bersujud, bertawaf dan berdoa meminta syafaat kepada orang mati. Perbuatan ini merupakan syirik murtad. Justeru, penyembah kubur seperti golongan sufi yang mendakwa mereka adalah ‘Ahl al-Sunnah’ sebenarnya berasal dari Shi‘ah.<sup>70</sup> Disebabkan itu, al-Zarqāwī menyatakan bahawa darah Shi‘ah wajib ditumpahkan kerana mereka adalah kafir murtad berasal dari Yahudi yang sedang menunggu Dajjal.<sup>71</sup> Namun al-Zawāhīri tidak bersetuju dengan perkara ini dan tidak juga menentang regim Saudi. Malah beliau telah menyalahgunakan konsep *irjā’* dan *al-Walā’ wa al-Barā’* bagi menyokong pendirianya. Hakikatnya pemimpin serta ulama Saudi adalah murtad dan kufur yang wajib dibunuh. Para ulama istana ini telah menipu kalam salaf, termasuk atas nama Sunni, Hanbali, Salafi dan Muḥammad ‘Abd al-Wahhāb, untuk menolak jihad dan membenarkan setiap tindakan regim Saudi.<sup>72</sup>

<sup>67</sup> *Ibid.*, 33-34.

<sup>68</sup> *Ibid.*, 32.

<sup>69</sup> *Ibid.*, 30.

<sup>70</sup> Islamic State of Iraq and Sham, *DABIQ* (Issue 13) (t.tp.: AlHayat Media Center, Rabiulakhir 1437 Hijrah), 36; 38.

<sup>71</sup> *Ibid.*, 42-43; 45.

<sup>72</sup> *Ibid.*, 7-8.

Dalam majalah *DABIQ* siri 14 (Rejab 1437H) bertemakan *The Murtadd Brotherhood*, ISIS menghukum Ikhwān al-Muslimīn sebagai murtad dan sesat separtimana aliran Jahmiyyah, Mu'tazilah, Māturīdiyyah, Ash'ariyyah, tasawuf, Kalām, mazhab fikah *ra'y*, penyembah kubur dan modenisme.<sup>73</sup> Banyak penyelewengan yang dilakukan oleh Ikhwān al-Muslimīn antaranya bekerjasama dengan Shī'ah yang murtad,<sup>74</sup> berbaik dengan Yahudi dan Nasrani,<sup>75</sup> menerima sistem parlimen, demokrasi, perlembagaan dan hak asasi manusia dengan meletakkan syariat Allah SWT di tangan manusia dan menolak kewajipan berjihad.<sup>76</sup> Ikhwān al-Muslimīn turut menjadi pelindung Raja Farouk, seorang taghut dari keturunan Muhammad 'Alī Pāshā, gabenor kerajaan 'Uthmāniyyah, yang dahulunya menentang tauhid di bumi Hijāz dan Najd.<sup>77</sup> Namun mereka berselindung disebalik nama Salafi atau Salafiyah, yang turut dipersetujui oleh akidah jihad versi al-Qaeda, sehingga beranggapan *murtaddīn* dan taghut sebagai Muslim.<sup>78</sup>

Maka kedudukan Ikhwān al-Muslimīn sama dengan para 'ulama' kafir di Barat yang meninggalkan Islam. Mereka ini bukan sahaja telah menjadi kufur murtad dan boleh dibunuh, malah lebih buruk daripada kafir asli.<sup>79</sup> Merekalah yang mengadakan perkara bidaah dalam agama seperti sambutan Maulidur Rasul.<sup>80</sup> Begitu juga beberapa Salafi palsu yang telah menafsirkan konsep tauhid, jihad

---

<sup>73</sup> Islamic State of Iraq and Sham, *DABIQ* (Issue 14) (t.p.: AlHayat Media Center, Rejab 1437 Hijrah), 28.

<sup>74</sup> *Ibid.*, 29.

<sup>75</sup> *Ibid.*, 31-33.

<sup>76</sup> *Ibid.*, 33-36.

<sup>77</sup> *Ibid.*, 38.

<sup>78</sup> *Ibid.*, 39-41.

<sup>79</sup> *Ibid.*, 8; 11.

<sup>80</sup> *Ibid.*, 32.

dan *al-Walā' wa al-Barā'* menurut kerangka Barat. Mereka menggunakan al-Quran dan hadith serta kata-kata tokoh Salaf seperti Ibn Taymiyyah, Ibn Qayyim dan Muhammad 'Abd al-Wahhāb secara dusta.<sup>81</sup> Sebaliknya para mujahidin menggunakan kitab-kitab akidah tokoh ini sebagai pendorong untuk berhijrah ke Negara Islam.<sup>82</sup> Hanya mereka yang tidak memahami al-Quran dan sunnah berdasarkan kefahaman salaf sahaja akan menolak seruan agama untuk berjihad bersama Khalifah.<sup>83</sup>

Dalam majalah *DABIQ* siri 15 (Syawal 1437H) bertemakan *Break The Cross*, ISIS menyatakan masih ramai 'ulama' murtad yang berbaik dengan Kristian, seperti Shaykh al-Azhar iaitu Ahmad al-Tayyib, yang menyatakan bahawa Islam adalah agama kedamaian dan bukan agama pedang. Universiti al-Azhar juga berdusta kononnya mereka mewakili umat Islam bermazhab Sunni, sedangkan mereka sebaliknya iaitu Ashā'irah dan sufi.<sup>84</sup> Oleh itu, setiap manusia mesti meninggalkan kekufturan kerana secara fitrahnya kebenaran hanya berpaksikan kepada *Lā Ilāha Illā Allāh*. Maka berdoa kepada berhala atau orang salih, sebagaimana musyrikin Arab, adalah perbuatan syirik kepada Allah SWT. Pengakuan tentang kewujudan Allah SWT semata-mata tidak memadai jika tidak disertai oleh kepatuhan pengibadatan kepada-Nya.<sup>85</sup> Fitrah inilah yang mengakui ketuhanan Allah SWT sehingga mampu membezakan antara tauhid dan syirik serta akan menghalang syaitan daripada memesongkan akidah manusia.<sup>86</sup>

---

<sup>81</sup> *Ibid.*, 13; 15.

<sup>82</sup> *Ibid.*, 50.

<sup>83</sup> *Ibid.*, 62; 66.

<sup>84</sup> Islamic State of Iraq and Sham, *DABIQ* (Issue 15), 74-76.

<sup>85</sup> *Ibid.*, 4-5.

<sup>86</sup> *Ibid.*, 21-22.

## Analisis Pemikiran Tauhid ISIS

Fokus makalah ini adalah mengenai pemikiran tauhid ISIS dalam majalah *DABIQ* walaupun dalam topik kandungan di atas turut disentuh beberapa aspek lain seperti hijrah, jihad dan sebagainya. Ia bertujuan bagi mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh tentang ideologi ISIS memandangkan setiap ideologi mempunyai kaitan antara satu sama lain khususnya dengan pegangan tauhid. Apakah lagi ISIS itu sendiri adalah sebuah kumpulan dan gerakan tauhid, bertepatan dengan bendera mereka yang menggunakan kalimah tauhid *Lā Ilāha Illā Allāh* sebagai slogan.

Sehubungan itu, berdasarkan penelitian terhadap topik kandungan yang dikemukakan di atas, didapati sekurang-kurangnya terdapat lima elemen utama pemikiran tauhid ISIS iaitu; i. berpegang dengan aliran akidah Salafi-Wahabi; ii. berpegang dengan metode Tauhid Tiga; iii. berpegang dengan konsep tauhid *al-Walā' wa al-Barā'*; iv. berpegang dengan konsep tauhid *al-Hākimiyah* dan; v. bermudahan dalam mengkafirkan umat Islam (*takfir*).

Elemen Tauhid	Salafi-Wahabi	Tauhid Tiga	<i>Al-Walā' wa al-Barā'</i>	<i>Al-Hākimiyah</i>	<i>Takfir</i>
DABIQ					
Siri 1	x		x	x	x
Siri 2	x				
Siri 3	x				x
Siri 4	x		x	x	x
Siri 5	x		x		x
Siri 6	x		x	x	x
Siri 7		x	x		x
Siri 8		x	x		x
Siri 9		x			x
Siri 10	x	x	x		x
Siri 11	x		x		x
Siri 12	x		x	x	x
Siri 13	x		x		x
Siri 14	x		x	x	x

Siri 15		x			x
Jumlah	11 (73.3%)	5 (33.3%)	11 (73.3%)	5 (33.3%)	14 (93.3%)

Jadual 1: Elemen pemikiran tauhid ISIS

Jadual 1 di atas menunjukkan taburan lima elemen pemikiran tauhid ISIS yang terdapat dalam majalah *DABIQ*. Sekalipun sebahagian elemen tidak disebutkan secara jelas, namun ia dapat difahami dengan melihat konteks ayat secara keseluruhan. Dalam hal ini, didapati *takfir* (93.3%), aliran Salafi-Wahabi (73.3%) dan tauhid *al-Walā' wa al-Barā'* (73.3%) berada pada kedudukan paling tinggi berbanding dua elemen lagi iaitu Tauhid Tiga (33.3%) dan tauhid *al-Hākimiyah* (33.3%). Keadaan ini mungkin disebabkan oleh ketiga-tiga elemen tersebut mempunyai pengaruh yang besar dalam membentuk pemikiran umat Islam, khususnya mujahidin, agar terus menyokong perjuangan jihad ISIS. Disebabkan itu, ISIS sangat menekankan tiga pemikiran tauhid tersebut dalam majalah *DABIQ*. Namun bagi mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh, makalah ini akan menganalisis kelima-lima elemen itu mengikut urutan akar pemikiran. Analisis yang dilakukan adalah berpandukan manhaj Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah bagi melihat konsep serta kepincangan pemikiran tauhid yang dibawa oleh ISIS.

### Berpegang dengan Aliran Akidah Salafi-Wahabi

Secara umumnya, istilah salaf adalah merujuk kepada generasi awal umat Islam yang hidup dalam lingkungan tiga kurun pertama Hijrah. Manakala istilah Salafi atau Salafiyyah pula merujuk kepada sesiapa yang mengikut Salaf.<sup>87</sup> Aliran ini awalnya dicetuskan oleh beberapa ulama mazhab Hanbali pada kurun keempat Hijrah bertujuan untuk mengembalikan umat Islam kepada

<sup>87</sup> Muḥammad Sa‘īd Ramaḍān al-Būṭī, *al-Salafiyyah: Marhalah Zamāniyyah Mubārakah Lā Madhhab Islāmī* (Damshiq: Dār al-Fikr, 2007), 9.

pendekatan salaf yang dikatakan telah dipesongkan oleh Ashā'irah, antaranya berkaitan persoalan *mutashābihāt*. Usaha ini kemudiannya diteruskan oleh Ibn Taymiyyah dan muridnya Ibn Qayyim pada kurun ketujuh Hijrah dengan lebih bersungguh-sungguh. Seterusnya pada kurun ke-12 Hijrah, muncul Muḥammad ‘Abd al-Wahhāb menghidupkan kembali aliran Salafiyyah tersebut melalui gerakan Wahhābiyyah.<sup>88</sup> Menurut Abū Zahrah, Muḥammad ‘Abd al-Wahhāb tidak membawa wacana akidah yang baru, sebaliknya beliau hanya mengambil semula pemikiran Ibn Taymiyyah secara melampau terutamanya dari aspek amaliah.<sup>89</sup>

Awal kemunculan, aliran Wahabi yang didukung oleh keluarga Ibn Sa‘ūd meluaskan pengaruhnya melalui perperangan dengan alasan untuk memerangi bidaah dan menegakkan sunnah. Mereka telah menyerang dan membunuh umat Islam yang tidak sealiran dengan mereka, termasuklah para ulama yang menentang mereka.<sup>90</sup> Antaranya mereka menyerang umat Islam yang menunaikan ibadat haji di Mekah. Bagi anak-anak yang ditangkap, para ibu bapa terpaksa menebusnya dengan harga yang tinggi.<sup>91</sup> Bukan itu sahaja, Wahabi juga bertindak menghancurkan dan meratakan kubur, termasuklah kubur para sahabat. Mereka kemudiannya turut berperang dengan kerajaan ‘Uthmāniyyah beberapa kali untuk menguasai wilayah Hijāz dan sekitarnya bagi

<sup>88</sup> Muḥammad Abū Zahrah, *Tāriikh al-Madhāhib al-Islāmiyyah* (Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabī, 1996), 190.

<sup>89</sup> *Ibid.*, 212-214.

<sup>90</sup> Muḥammad ibn ‘Abd Allāh ibn Ḥumayd al-Najdī al-Ḥanbālī, *al-Suhub al-Wābilah ‘alā Darā’ih al-Ḥanābilah* (t.tp: Maktabah al-Imām Aḥmad, 1989), 275.

<sup>91</sup> ‘Uthmān ibn ‘Abd Allāh ibn Bashr al-Najdī al-Ḥanbālī, ‘*U nwān al-Majd fī Tāriikh Najd*, ed. ‘Abd al-Rahmān ibn ‘Abd al-Latīf ibn ‘Abd Allāh Āl al-Shaykh (Riyadh: Maṭbū‘ah Dārat al-Malik ‘Abd al-‘Azīz, 1982), 1:278-290.

menyebarluaskan pemikiran mereka.<sup>92</sup> Semua ini dilaporkan secara jelas dalam pelbagai tulisan antaranya risalah Ahmad ibn Zaynī Dahlān bertajuk *Fitnah al-Wahhābiyyah*.<sup>93</sup>

Dalam hal ini, kandungan majalah *DABIQ* di atas menunjukkan bahawa ISIS menolak hampir semua aliran bidaah yang terdapat dalam sejarah pemikiran umat Islam seperti Shi‘ah, Khawārij, Murji‘ah, Jahmiyyah, Mu‘tazilah, Kalām (falsafah) dan pendakwa Salafi. Malah mereka turut memasukkan Ashā‘irah, Māturīdiyyah, sufi (tasawuf) dan mazhab fikah *ra'y* dalam kategori bukan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah sebaris dengan aliran bidaah yang lain.

Daripada semua aliran ini, Shi‘ah, Murji‘ah, pendakwa Salafi, Ashā‘irah dan sufi yang paling kuat dikritik oleh ISIS. Manakala tokoh yang paling banyak dijadikan rujukan oleh ISIS pula ialah Ibn Taymiyyah, Ibn Qayyim dan Muhammad ‘Abd al-Wahhāb. Tokoh-tokoh ini diangkat sebagai ulama Salaf yang sentiasa berpegang teguh dengan al-Quran dan sunnah. Selain daripada tiga tokoh ini dan pemimpin ISIS sendiri, individu lain yang turut dijadikan rujukan oleh ISIS adalah Abū Muhammad al-Maqdisi<sup>94</sup> dan ‘Abd al-Qādir ibn ‘Abd al-‘Azīz.<sup>95</sup>

<sup>92</sup> Abū Zahrah, *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah*, 212-214.

<sup>93</sup> Ahmad ibn Zaynī Dahlān, *Fitnah al-Wahhābiyyah min al-Futūhāt al-Islāmiyyah*, ed. Muhammad ‘Abd al-Fattāh ‘Umar (t.p.: t.p., t.t.).

<sup>94</sup> Abū Muhammad al-Maqdisi dilahirkan pada tahun 1956 di bandar Nablus, Tebing Barat, Palestin. Ketika di usia muda, keluarga beliau berhijrah ke Kuwait. Dari aspek pendidikan, al-Maqdisi belajar di Universiti Mosul, Iraq sebelum berkelana ke Arab Saudi, Pakistan dan Afghanistan. Beliau juga merupakan mentor kepada al-Zarqāwī dan penulis buku kontroversi yang bertajuk *al-Kawāshif al-Jaliyyah fi Kufr al-Dawlah al-Sa‘ūdiyyah*.

<sup>95</sup> ‘Abd al-Qādir ibn ‘Abd al-‘Azīz berasal dari Mesir dan berkelulusan dari Fakulti Perubatan, Universiti Kairo pada tahun 1974. Beliau pernah berkhidmat di Pakistan sebagai doktor setelah meninggalkan Mesir iaitu selepas pembunuhan Anwar Sadat, dan juga di sebuah

Kedua-dua mereka adalah pemimpin Salafi Jihadi masa kini yang sering menyeru agar umat Islam berjihad melawan taghut. Disebabkan itu, ISIS menegaskan bahawa golongan yang mengaku Salafi tetapi enggan menyokong dan berjihad bersama Khalifah sebenarnya hanyalah Salafi palsu atau pendakwa Salafi. Mereka menyalahgunakan nama dan kalam para salaf untuk menolak jihad demi menjaga kehendak pemimpin regim Saudi yang murtad.<sup>96</sup> Namun menurut ISIS, ulama salaf telah mewajibkan umat Islam untuk berjihad sebagaimana disebutkan oleh Ibn Taymiyyah: "Tegaknya agama ini dengan Kitab yang memberi petunjuk dan pedang yang menolong".<sup>97</sup> Bahkan Muḥammad ‘Abd al-Wahhāb menggunakan istilah *muwahhidīn* terhadap pengikutnya yang berjihad melawan golongan musyrik.<sup>98</sup> Ini bermaksud, mujahidin ISIS sahaja yang benar-benar Salafi kerana mereka menyahut seruan al-Quran dan hadith untuk menegakkan agama Islam, tidak seperti ulama Saudi.

Perkara sama turut diketengahkan oleh ISIS dalam majalah *RUMIYAH* dan lain-lain sumber yang menjadikan Ibn Taymiyyah dan Muḥammad ‘Abd al-Wahhāb sebagai tokoh rujukan utama mereka. Kedua-dua tokoh ini diangkat dengan panggilan imam, menunjukkan betapa tingginya kedudukan Ibn Taymiyyah dan Muḥammad ‘Abd al-Wahhāb di sisi ISIS. Maka tidak hairanlah jika ISIS banyak menggunakan fatwa kedua-dua tokoh ini sama ada dalam tulisan atau ucapan mereka. Disebabkan

---

hospital di Yaman. Beliau pernah ditangkap oleh kerajaan Yaman dan dikenakan tahanan dalam rumah sebelum diekstradisi ke Mesir pada tahun 2004.

<sup>96</sup> Islamic State of Iraq and Sham, *DABIQ* (Issue 13), 7-8.

<sup>97</sup> Islamic State of Iraq and Sham, *DABIQ* (Issue 7), 20-21.

<sup>98</sup> Muḥammad ibn ‘Abd al-Wahhāb, *Kashf al-Shubuhāt* (Riyadh: Wizārah al-Shu’ūn al-Islāmiyyah wa al-Awqāf wa al-Dā wah wa al-Irshād, 1419H), 14.

itu, kitab tauhid Muhammad 'Abd al-Wahhāb bertajuk *Lā Ilāha Illā Allāh* contohnya, telah dicetak dan disebarluaskan secara meluas oleh ISIS kepada setiap anggotanya.<sup>99</sup> Bahkan kenyataan terbuka daripada anggota ISIS sendiri melalui akaun Twitter peribadinya yang kemudian tular dalam media sosial, turut mengakui bahawa *Kitāb al-Tawhīd* karangan Muhammad 'Abd al-Wahhāb telah digunakan oleh ISIS dalam pengajian akidah mereka.<sup>100</sup>

Oleh itu, berdasarkan latar belakang di atas, didapati bahawa pemikiran tauhid yang menjadi asas pegangan bagi kumpulan ISIS adalah berpaksikan fahaman Salafi, atau dikenali juga sebagai Wahabi. Perkara ini diperkuatkan lagi dengan sokongan yang diterima daripada pengikut Salafi-Wahabi di beberapa tempat yang menyertai ISIS sebagai mujahidin di negara masing-masing. Pada masa yang sama, ISIS turut mengkritik institusi pengajian Islam terkemuka seperti al-Azhar di Mesir, begitu juga Deobandi di India, kerana berpegang dengan aliran Ashā'irah dan Māturīdiyyah serta menerima tasawuf muktabar. Asas kritikan awalnya berpunca daripada ketegasan al-Azhar menolak kelompok ekstremis agama yang kemudiannya berlarutan sehingga membawa kepada persoalan manhaj al-Azhar.<sup>101</sup> Ini kerana, ISIS beranggapan bahawa aliran Ashā'irah dan Māturīdiyyah tidak termasuk dalam kalangan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah bermanhaj Salaf. Malah mereka turut memfitnah Ashā'irah dengan menggunakan kenyataan dari Mu'tazilah dan Jahmiyyah.<sup>102</sup>

Penolakan ISIS terhadap Ashā'irah ini didapati selari dengan pendirian tokoh-tokoh Salafi-Wahabi yang

<sup>99</sup> Islamic State of Iraq and Sham, *RUMIYAH* (Issue 7) (t.p.: AlHayat Media Center, Jamadilakhir 1438 Hijrah), 22.

<sup>100</sup> Twitter, <https://twitter.com/abdolwahed11/>.

<sup>101</sup> Islamic State of Iraq and Sham, *DABIQ* (Issue 15), 74-76.

<sup>102</sup> Islamic State of Iraq and Sham, *DABIQ* (Issue 2), 23.

menyatakan bahawa Ashā'irah bukan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, kerana Ashā'irah dikatakan banyak melakukan kesesatan dan bidaah yang bertentangan dengan mazhab Salaf.<sup>103</sup> Walau bagaimanapun, semua dakwaan yang dikemukakan tersebut bercanggah sama sekali dengan pendirian para ulama yang mengiktiraf aliran Ashā'irah dan Māturīdiyyah adalah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah yang sebenar.<sup>104</sup> Bahkan menurut kajian The Royal Islamic Strategic Studies Centre, dua aliran ini merupakan golongan majoriti yang mewakili 90 peratus daripada keseluruhan umat Islam di seluruh dunia.<sup>105</sup> Hal ini bertepatan dengan penjelasan al-Subkī yang menyatakan bahawa para pengikut Mālik (mazhab Maliki) dan al-Shāfi'i (mazhab Shafi'i) serta sebahagian pengikut Ahmad ibn Hanbal (mazhab Hanbali) dan Abū Hanīfah (mazhab Hanafi) adalah berpegang dengan aliran Ashā'irah.<sup>106</sup>

Justeru, kritikan ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah terhadap Salafi-Wahabi serta tokoh-tokohnya bukanlah suatu perkara baru. Antara mereka yang keras menolak

<sup>103</sup> Safr ibn 'Abd al-Rahmān al-Hawālī, *Manhaj al-Ashā'irah fī al-'Aqīdah* (Yaman: Dār al-Quds, t.t.), 43.

<sup>104</sup> Al-Sayyid Muḥammad ibn Muḥammad al-Ḥusaynī al-Zabīdī, *Ithāf al-Sādah al-Muttaqin bi Sharh Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1989), 2:8. Lihat juga Mohd Fauzi Hamat et al., "Bidasan terhadap Penolakan Ashā'irah sebagai Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah," *Jurnal al-Ummah* 1 (2019), 1-36.

<sup>105</sup> The Royal Islamic Strategic Studies Centre, *The 500 Most Influential Muslims In The World 2010* (Jordan: The Royal Islamic Strategic Studies Centre, 2010), 17.

<sup>106</sup> Taqī al-Dīn Abī Naṣr 'Abd al-Wahhāb ibn 'Alī ibn 'Abd al-Kāfi al-Subkī, *Tabaqāt al-Shāfi'iyyah al-Kubrā*, ed. Maḥmūd Muḥammad al-Tanāḥī dan 'Abd al-Fattāḥ al-Hilw (t.t.: Dār Iḥyā' al-Kitāb al-'Arabiyyah, 1964), 3:366. Lihat juga Muhammad Rashidi Wahab dan Mohd Fauzi Hamat, "Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, Ashā'irah dan al-Ash'aari: Satu Pengenalan," *Jurnal Penyelidikan Islam* 30 (2018), 1-37.

Ibn Taymiyyah dan muridnya Ibn Qayyim ialah Ibn Ḥajar al-Haytami,<sup>107</sup> manakala Muḥammad ‘Abd al-Wahhāb pula turut ditolak oleh abangnya sendiri iaitu Sulaymān ‘Abd al-Wahhāb melalui kitabnya *al-Sawā‘iq al-Ilāhiyyah fī al-Radd ‘alā al-Wahhābiyyah*.<sup>108</sup> Ini bermaksud, Salafi-Wahabi yang menjadi pegangan ISIS bukan daripada aliran arus perdana Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Mereka telah menyalahgunakan istilah salaf yang mulia sehingga ia dipandang serong oleh sebahagian orang. Malah mengakui Salafi sebagai sebuah mazhab yang eksklusif bagi golongan mereka sahaja adalah sebuah bidaah.<sup>109</sup> Oleh itu, umat Islam perlu berwaspada dengan sebarang kumpulan yang dikesan mempromosi fahaman Salafi-Wahabi. Perkara ini penting sebagai pencegahan awal daripada pengaruh elemen-elemen ekstrem yang mungkin boleh menjurus kepada ISIS.

### Berpegang dengan Metode Tauhid Tiga

Selain daripada bersikap keras terhadap aliran Ashā‘irah dan tasawuf, antara ciri utama lain bagi aliran Salafi-Wahabi ialah berpegang dengan metode pengajian akidah berasaskan Tauhid Tiga (tauhid *al-Rubūbiyyah*, tauhid *al-Ulūhiyyah* dan tauhid *al-Asmā’ wa al-Ṣifāt*) yang diketengahkan oleh Ibn Taymiyyah dan Muḥammad ‘Abd al-Wahhāb. Sedangkan metode akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah khususnya dari aliran Ashā‘irah adalah berteraskan pengajian Sifat 20.<sup>110</sup> Secara umumnya,

<sup>107</sup> Aḥmad Shihāb al-Dīn ibn Ḥajar al-Haytamī, *al-Fatāwā al-Ḥadīhiyyah* (Beirut: Dār al-Ma‘rifah, t.t.), 203.

<sup>108</sup> Sulaymān ibn ‘Abd al-Wahhāb, *al-Sawā‘iq al-Ilāhiyyah fī al-Radd ‘alā al-Wahhābiyyah* (Kaherah: Maktabah al-Qāhirah, 2008).

<sup>109</sup> Al-Būṭī, *al-Salafiyah*, 219.

<sup>110</sup> Syed Hadzrullah Syed Omar dan Muhammad Rashidi Wahab, "Konsep Pengajian Tauhid Tiga: Satu Analisis," *Jurnal Kefahaman Ahli Sunnah Wal Jama‘ah: Jurnal Berwasit Antarabangsa* 2 (2012), 55-84.

tauhid *al-Rubūbiyyah* ialah mengiktiraf bahawa Tuhan yang berkuasa menciptakan, memiliki dan mengatur alam semesta ini adalah Allah SWT. Tauhid *al-Ulūhiyyah* atau tauhid *al-Ibādah* pula ialah pelaksanaan ibadat atau penyembahan hanya ditujukan kepada Allah SWT semata-mata.<sup>111</sup> Manakala tauhid *al-Asmā' wa al-Sifāt* ialah menetapkan hakikat nama-nama dan sifat-sifat Allah SWT yang sempurna sebagaimana yang terkandung dalam al-Quran dan hadith.<sup>112</sup>

Ketiga-tiga tauhid ini terkandung dalam kalimah syahadah *Lā Ilāha Illā Allāh* bagi menunjukkan penyaksian seseorang manusia terhadap Allah SWT selaku Tuhan yang layak disembah. Maka sesiapa yang terjatuh dalam kesyirikan, sama ada besar atau kecil, terang atau sembunyi, adalah terkeluar daripada agama Islam.<sup>113</sup> Dalam hal ini, Muḥammad ‘Abd al-Wahhāb menyatakan bahawa orang kafir musyrikin yang diperangi oleh Rasulullah SAW turut beriman kepada Allah SWT, iaitu dengan tauhid *al-Rubūbiyyah*. Namun tauhid ini masih belum mampu untuk mengeluarkan mereka daripada mensyirikkan Allah SWT dalam peribadatan kerana mereka tidak memiliki tauhid *al-Ulūhiyyah*.<sup>114</sup> Malah tauhid *al-Rubūbiyyah* ini juga tidak dapat membebaskan manusia daripada api neraka dan

<sup>111</sup> Taqī al-Dīn ibn al-‘Abbās Aḥmad ibn ‘Abd al-Ḥalīm ibn ‘Abd al-Salām ibn Taymiyyah, *al-Risālah al-Tadmiriyyah*, ed. Muḥammad ibn ‘Awdaḥ al-Sa‘wī (Riyadh: Maktabah al-‘Ubaykān, 2000), 186; Muḥammad ibn ‘Abd al-Wahhāb, *Kashf al-Shubuhāt*, 5.

<sup>112</sup> Muḥammad ibn Ṣalīḥ al-‘Uthaymīn, *al-Qawā'id al-Muthlā fi Ṣifāt Allāh wa al-Asmā'iḥ al-Husnā* (Kaherah: Maktabah al-Sunnah, 1990), 230.

<sup>113</sup> Āminah Muḥammad Naṣīr, *al-Shaykh Muḥammad ibn ‘Abd al-Wahhāb wa Manhajuh fi Mabāḥith al-‘Aqīdah* (Kaherah: Dār al-Shurūq, 1983), 207.

<sup>114</sup> Muḥammad ibn ‘Abd al-Wahhāb, *Kashf al-Shubuhāt*, 5-6; Zakaria @ Mahmud Daud, *Muhammad Ibn Abd al-Wahhab* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014), 84-85.

memasukkan ke dalam syurga, serta tidak pula dapat mengeluarkan mereka daripada kesyirikan.<sup>115</sup>

Menurut Muhammad ‘Abd al-Wahhāb lagi, walaupun tauhid *al-Ulūhiyyah* adalah tunjang kepada pengertian kalimah syahadah namun orang kafir jahiliyyah pada zaman Rasulullah lebih memahami dan mengetahui tentang maksudnya jika dibandingkan dengan sesetengah umat Islam yang menolak tauhid *al-Ulūhiyyah*.<sup>116</sup> Maka seseorang itu dikatakan belum benar-benar Islam jika mereka hanya mempunyai tauhid *al-Rubūbiyyah* sahaja. Bahkan mereka perlu memiliki tauhid *al-Ulūhiyyah* sebagai membuktikan bahawa mereka menyakini dan mengimani Tuhan yang layak disembah ialah Tuhan yang mentadbir alam semesta ini, iaitu Allah SWT.<sup>117</sup> Ini kerana, tauhid *al-Ulūhiyyah* merupakan pokok kepada tauhid *al-Rubūbiyyah* dan tauhid *al-Asmā’ wa al-Sifāt*. Tidak lengkap kedua-dua tauhid ini tanpa dihubungkan dengan tauhid *al-Ulūhiyyah*.<sup>118</sup> Hal ini juga bermaksud tauhid *al-Ulūhiyyah* adalah berbeza dengan tauhid *al-Rubūbiyyah*.

Adapun tauhid *al-Asmā’ wa al-Sifāt* adalah merujuk kepada penetapan nama-nama dan sifat-sifat Allah SWT sebagaimana yang dinyatakan dalam al-Quran dan hadith tanpa sebarang perubahan pada lafaznya. Oleh itu, umat Islam dilarang untuk melakukan takwilan khususnya terhadap nas-nas sifat *mutashābihāt* seperti lafaz *istiwā*, *yad*, *wajh*, *ayn* dan lain-lain. Perbuatan mentakwil atau menetapkan lafaz lain terhadap nama dan sifat Allah SWT

<sup>115</sup> Amal Fathullah Zarkasyi, *Akidah Tauhid Ibn Taymiyyah* (Negeri Sembilan: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia, 2014), 116.

<sup>116</sup> Muḥammad ibn ‘Abd al-Wahhāb, *Kashf al-Shubuhāt*, 8.

<sup>117</sup> Ḥamādī al-Rudaysī dan Asmā’ Nūwaydah, *al-Radd ‘alā al-Wahhābiyyah fī al-Qarn al-Tāsi‘ Ashar* (Beirut: Dār al-Tali‘ah, 2008), 100.

<sup>118</sup> Zakaria, *Muhammad Ibn Abd al-Wahhab*, 91.

merupakan satu bentuk penyelewengan yang boleh menimbulkan kekurangan serta salah faham terhadap hakikat Allah SWT sehingga boleh membawa kepada kesyirikan.<sup>119</sup> Kenyataan ini berasaskan kepada pegangan bahawa seluruh ayat al-Quran tiada yang bersifat *majāzī* sehingga ia tidak perlu kepada pentakwilan tertentu.<sup>120</sup> Maka lafaz *istiwā'* contohnya, mesti difahami secara *haqīqah* dengan menolak pengertian secara *majāzī*.<sup>121</sup>

Berdasarkan kandungan majalah *DABIQ* di atas, walaupun istilah ketiga-tiga tauhid itu hanya disebutkan secara jelas dalam beberapa siri sahaja, tetapi ia bukan bermaksud metode Tauhid Tiga tidak digunakan oleh ISIS secara meluas. Ini kerana, penggunaan Tauhid Tiga oleh ISIS bukannya menjurus kepada perbincangan teoritikal, sebaliknya ia bersifat aplikasi yang hanya boleh diketahui dengan melihat kesan atau hasil serta bentuk pemikiran yang diketengahkan oleh mereka. Sebagai contohnya, bermudah-mudahan dalam menghukum bidaah, sesat, syirik dan *takfir* terhadap amalan *khilāfiyyah* adalah salah satu kesan daripada penggunaan Tauhid Tiga. Begitu juga dengan tauhid *al-Walā' wa al-Barā'* dan tauhid *al-Hākimiyah* yang turut dikaitkan dengan metode Tauhid Tiga. Namun dalam topik ini hanya difokuskan kepada kritikan terhadap Tauhid Tiga terlebih dahulu memandangkan ia adalah asas kepada terbinanya pemikiran tauhid ISIS yang lain.

Penolakan terhadap Tauhid Tiga pada dasarnya adalah berpuncu daripada pembahagian tauhid kepada

<sup>119</sup> Al-‘Uthaymīn, *al-Qawā‘id al-Muthlā*, 230-231; Abū Hāshim al-Sayyīd al-Sharīf, *Rakā‘iz al-Tawhīd fī Madrasah Muḥammad ibn ‘Abd al-Wahhāb* (Mansoura: Maktabah al-Raḥmah al-Mahdāh, t.t.), 77.

<sup>120</sup> Muḥammad ibn Ṣāliḥ al-‘Uthaymīn, *Sharḥ ‘Aqīdah Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah* (Mesir: Dār al-Yaqīn, 2008), 184.

<sup>121</sup> Aḥmad Ibnu Taymiyyah, *Majmū‘ Fatāwā Shaykh al-Islām Aḥmad Ibnu Taymiyyah* (t.t.: t.p., t.t.), 5:519.

tauhid *al-Rubūbiyyah* dan tauhid *al-Ulūhiyyah* yang mempunyai dua pengertian yang berbeza sehingga orang kafir turut diiktiraf mempunyai tauhid.

Menurut para ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah, konsep sebegini adalah tidak bertepatan dengan dalil serta hujah ilmiah yang menunjukkan bahawa tauhid *al-Rubūbiyyah* dan tauhid *al-Ulūhiyyah* adalah sama dari sudut maknanya sehingga tidak perlu kepada pemisahan.<sup>122</sup> Ini bermaksud, membezakan kedua tauhid tersebut boleh mengundang kepada salah faham terhadap hakikat tauhid yang sebenar. Oleh itu, bagi mengukuhkan penolakan terhadap pembahagian tauhid kepada *al-Rubūbiyyah* dan *al-Ulūhiyyah* ini, ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah telah membawakan beberapa nas al-Quran dan hadith bagi menyanggah pegangan Muhammad 'Abd al-Wahhāb dan pengikutnya. Antara dalilnya ialah:

وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنْ بَنِي آدَمَ مِنْ ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتُهُمْ  
وَأَشَهَّدُهُمْ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ أَلَّا سُلْطَنٌ لِّرِبِّكُمْ قَالُواْ بَلَىٰ  
شَهِدْنَا أَنَّ نَقُولُواْ يَوْمَ الْقِيَمَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هَذَا

غَفِيلِينَ

Terjemahan: Dan [ingatlah] ketika Tuhanmu mengeluarkan keturunan anak-anak Adam dari sulbi mereka dan mengambil kesaksian terhadap jiwa mereka [lantas Allah berfirman]: Bukankah Aku ini Tuhanmu? Mereka menjawab: Betul [Engkau Tuhan kami] kami menjadi saksi. [Kami lakukan yang demikian itu] agar di hari kiamat kamu tidak mengatakan: Sesungguhnya kami (anak-anak

<sup>122</sup> Ahmad ibn Zaynī Daḥlān, *al-Durar al-Sanniyyah fī al-Radd 'alā al-Wahhābiyyah* (Turkey: Maktabah al-Haqīqah, 2002), 40-41.

Adam) adalah orang-orang yang lupa terhadap  
ini (keesaan Tuhan).<sup>123</sup>

Ayat di atas menunjukkan bahawa Allah SWT bertanya dengan menggunakan lafadz “*alastu bi rabbikum*,” bukan dengan lafadz “*alastu bi ilāhikum*.” Penggunaan lafadz *rabb* ini membawa maksud cukup bagi mereka menerima tauhid *al-Rubūbiyyah* Allah SWT, kerana mereka sebenarnya turut mengiktiraf tauhid *al-Ulūhiyyah* berdasarkan ayat selepas “*alastu bi rabbikum*” itu. Maka itu dikatakan bahawa tiada *rabb* selain *ilāh*, bahkan Dialah *ilāh* itu sendiri. Ini bermaksud, tauhid *al-Rubūbiyyah* (*rabb*) dan tauhid *al-Ulūhiyyah* (*ilāh*) merujuk kepada Allah SWT sahaja iaitu Tuhan yang layak disembah lagi Maha Berkusa menciptakan sesuatu. Kefahaman ini adalah suatu yang disepakati oleh ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah semenjak dari zaman sahabat sehingga kini.<sup>124</sup> Bahkan ayat di atas juga boleh difahami bahawa Allah SWT telah membuat perjanjian dengan seluruh manusia di alam roh agar mereka akur dengan ketuhanan Allah SWT dan sanggup menuruti perintahNya.

Namun setelah manusia lahir ke dunia, mereka lupa dengan perjanjian tersebut. Jika tauhid yang terkandung pada ayat itu adalah tauhid *al-Rubūbiyyah*, di mana tauhid itu turut dimiliki oleh orang kafir dan ia tidak memberi apa-apa manfaat kepada mereka kerana ia merupakan tauhid yang tidak sempurna, maka perjanjian tersebut

---

<sup>123</sup> Al-A‘rāf 7: 172.

<sup>124</sup> Ibrāhīm al-Samnūdī al-Manṣūrī, *Sa‘ādah al-Dārayn fī al-Radd ‘alā al-Firqatayn al-Wahhābiyyah wa Muqallidah al-Zāhiriyah* (Mansoura: Maktabah al-Imān, t.t.), 2:21; al-Sayyid Muḥammad ‘Alawī al-Mālikī al-Hasanī, *Huwa Allāh* (t.p.: t.p., t.t.), 56-57; Salāmah al-Qaḍā‘ī al-‘Izāmī al-Shāfi‘ī, *al-Barāhīn al-Sāti‘ah fī Radd Ba‘d al-Bida‘ al-Shāti‘ah* (Kaherah: Maṭba‘ah al-Yanbādah, t.t.), 379.

seolah-olah tidak bererti kepada manusia dan tidak sah. Dengan itu, jelas bahawa perjanjian tersebut menghendaki tauhid *al-Ulūhiyyah* kerana tauhid *al-Rubūbiyyah* merupakan tauhid yang tidak sempurna.

Ini menunjukkan bahawa tauhid *al-Rubūbiyyah* dan tauhid *al-Ulūhiyyah* adalah saling melazimi antara keduanya dan tidak wajar ditafsirkan secara terpisah. Kalau ia berbeza, tentu sekali terma perjanjian tersebut dibuat berdasarkan pengiktirafan manusia seluruhnya terhadap tauhid *al-Ulūhiyyah*.<sup>125</sup> Selain itu, beberapa dalil menunjukkan bahawa orang kafir tidak bertauhid kepada Allah SWT walaupun dengan tauhid *al-Rubūbiyyah*. Antara dalilnya ialah:

وَلَا يَأْمُرُكُمْ أَنْ تَتَّخِذُوا الْمَلَائِكَةَ وَالنَّبِيِّنَ أَرْبَابًا  
أَيَّامُرُكُمْ بِالْكُفْرِ بَعْدَ إِذْ أَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿٨﴾

Terjemahan: Dan tidak wajar pula baginya menyuruhmu menjadikan para malaikat dan para nabi sebagai tuhan-tuhan. Apakah [patut] dia menyuruhmu berbuat kekafir di waktu kamu sudah [menganut agama] Islam?<sup>126</sup>

Ayat di atas menegaskan bahawa orang kafir mengakui adanya beberapa tuhan (*arbābā*) yang terdiri daripada para malaikat dan para nabi dengan menggunakan lafaz *rabb*. Ini bermaksud, mereka tidak mempunyai tauhid *al-Rubūbiyyah* yang menyatakan Allah SWT sebagai Tuhan pencipta alam ini seperti mana dakwaan Ibn Taymiyyah dan Muḥammad ‘Abd al-

<sup>125</sup> Mohd Fauzi Hamat, "Penolakan al-Asha'irah terhadap Huraiyan Tauhid *Rububiyyah* dan *Ulūhiyyah* Menurut Muhammad bin 'Abd al-Wahab (1703-1792M)" (makalah, Seminar Pemikiran Islam Peringkat Kebangsaan II, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 20-22 Julai 2010), 14.

<sup>126</sup> Ali-'Imrān 3: 80.

Wahhāb. Begitu juga dengan beberapa dalil lain<sup>127</sup> yang turut menyatakan perkara sama.<sup>128</sup> Oleh itu, setiap orang kafir sudah pasti tidak memiliki tauhid, sama ada tauhid *al-Rubūbiyyah* atau tauhid *al-Ulūhiyyah* terhadap Allah SWT. Maka pendapat yang menyatakan bahawa tauhid *al-Rubūbiyyah* sahaja tidak mencukupi untuk menentukan keimanan seseorang adalah pendapat bidaah dan bertentangan dengan ijmak umat Islam.<sup>129</sup> Huraian sebegini perlu ditolak oleh umat Islam yang berpegang teguh dengan al-Quran dan hadith.

Dalam hal ini, pegangan bahawa orang kafir juga bertauhid dan lebih beriman daripada sebahagian besar orang Islam dapat dilihat secara jelas dalam pemikiran ISIS apabila mereka menyatakan bahawa kedudukan umat Islam yang mengadakan bidaah seperti Maulidur Rasul lebih buruk daripada kafir asli.<sup>130</sup> Pendirian ini sebenarnya bertepatan dengan kenyataan tokoh Salafi-Wahabi yang mendakwa bahawa umat Islam yang melakukan perkara *khilāfiyyah* seperti tawassul yang dianggap sebagai *qubūriyyūn* adalah sama seperti orang kafir yang menyembah berhala, malah mereka lebih teruk daripada Abu Jahal dan Abu Lahab. Bahkan dikatakan mereka berdua adalah lebih beriman kepada Allah SWT kerana masih memiliki tauhid *al-Rubūbiyyah* berbanding umat Islam yang melakukan perbuatan itu.<sup>131</sup> Kenyataan ini

---

<sup>127</sup> Al-Shu‘arā’ 26: 97-98.

<sup>128</sup> ‘Umar ‘Abd Allāh Kāmil, *Kalimah Hādi‘ah fī Bayān Khaṭā’ al-Taqsīm al-Thulāthī li al-Tawḥīd* (Oman: Dār al-Rāzī, 2006), 11-12.

<sup>129</sup> ‘Alī Jum‘at Muḥammad, “Taqsīm al-Tawḥīd wa Takfir al-Muslimīn,” no. fatwa: 3748, laman sesawang *Dār al-Iftā’ al-Miṣriyyah*, 3 Februari 2007, dicapai 27 Oktober 2017, <http://www.dar-alifta.org/ViewFatwa.aspx?LangID=1&ID=3748>

<sup>130</sup> Islamic State of Iraq and Sham, *DABIQ* (Issue 14), 8; 11; 32.

<sup>131</sup> Muḥammad Aḥmad Bāshūmīl, *Kayf Nafham al-Tawḥīd?* (t.t.p.: t.p., 1406H), 12.

jelas bertentangan sama sekali dengan firman Allah SWT khususnya dalam Surah al-Lahab.

Selain itu, tujuan tauhid *al-Asmā' wa al-Ṣifāt* pula adalah bagi menetapkan nama-nama dan sifat-sifat yang tidak layak bagi Allah SWT secara makna zahir dengan menolak metode takwil. Ini kerana, mereka beranggapan takwil adalah bersalah dengan pegangan salaf yang didakwa menetapkan nas-nas sifat *mutashābihāt* seperti lafaz asalnya.<sup>132</sup> Disebabkan itu, mereka mengkritik golongan Ashā'irah yang dituduh mengambil kaedah takwil daripada Mu'tazilah dan Jahmiyyah. Atas dasar ini, para tokoh Salafi-Wahabi mengeluarkan ulama besar Ashā'irah seperti Ibn Ḥajar al-'Asqalānī dan al-Nawawi daripada Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah kerana kedua-duanya dikatakan tidak berpegang dengan pendekatan *al-Asmā' wa al-Ṣifāt*.<sup>133</sup> Bahkan mereka mendakwa bahawa takwil Ashā'irah merupakan suatu bentuk penyelewengan dalam akidah, sama seperti Mu'tazilah dan Jahmiyyah kerana mereka menjadikan akal sebagai rujukan dengan mengetepikan al-Quran dan hadith.<sup>134</sup>

Hakikatnya, dakwaan ini bersalah dengan fakta ilmiah yang menunjukkan bahawa ulama salaf menggunakan pendekatan *tafwīd* dan tidak memahami nas-nas sifat *mutashābihāt* dengan makna zahir. Bahkan sebilangan salaf didapati turut melakukan takwilan sebagaimana yang masyhur digunakan dalam kalangan khalfah dan golongan Ashā'irah.<sup>135</sup> Namun apa yang lebih membimbangkan, nas-nas sifat *mutashābihāt* yang

<sup>132</sup> Umar 'Abd Allāh Kāmil, *Kalimah Hādi 'ah*, 38.

<sup>133</sup> Muhammad ibn Ṣāliḥ al-'Uthaymīn, *Liqā'at al-Bāb al-Maftūh* (Riyadh: Dār al-Watan li al-Nashr, 1408H), 8:42.

<sup>134</sup> Al-'Uthaymīn, *Sharh 'Aqidah*, 129-130.

<sup>135</sup> Muhammad Rashidi Wahab dan Syed Hadzrullah Syed Omar, "Takwilan Nas-nas Sifat *Mutashabihat* dalam Kalangan Salaf," *Global Journal Al-Thaqafah* 2, no. 2 (2012), 77-85.

dihadami secara literal dengan menolak keberadaan *majāzī* boleh mengundang kepada fahaman Mujassimah atau Mushabbiyah.<sup>136</sup> Oleh itu, berdasarkan penjelasan di atas, para ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah bersepakat untuk menolak metode Tauhid Tiga. Ini bermaksud, Tauhid Tiga yang menjadi pegangan ISIS perlu dijauhi agar umat Islam tidak dipengaruhi oleh kefahaman akidah yang salah sehingga membawa kepada tindakan yang menyeleweng.

### Berpegang dengan Tauhid *al-Walā' wa al-Barā'*

Selain Tauhid Tiga, para tokoh Salafi-Wahabi juga menyatakan bahawa antara prinsip akidah terpenting yang wajib menjadi pegangan setiap Muslim ialah tauhid *al-Walā' wa al-Barā'*.<sup>137</sup> Dari aspek sejarah perkembangannya, Ibn Taymiyyah dan Muḥammad ‘Abd al-Wahhāb merupakan tokoh terawal yang mengenangkan konsep *al-Walā' wa al-Barā'* ini. Namun dalam konteks semasa, ia dipopularkan kembali oleh beberapa tokoh Salafi-Wahabi dan yang paling menonjol ialah melalui buku Muḥammad Sa‘id al-Qahtānī yang bertajuk *al-Walā' wa al-Barā' fī al-Islām*.<sup>138</sup> Secara umumnya, istilah *al-walā'* adalah merujuk kepada kepatuhan, kesetiaan dan kecintaan terhadap kaum Muslimin dan agama Islam. Manakala istilah *al-barā'* pula adalah merujuk kepada kebencian dan berlepas diri

---

<sup>136</sup> Muhammad Rashidi Wahab, Mohd Shahrizal Nasir dan Syed Hadzrullathfi Syed Omar, "Implikasi Penafian *Majaz* al-Quran terhadap Nas-nas Sifat *Mutashabihat*," *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 8 (2014), 136-152.

<sup>137</sup> Sālih ibn Fawzān al-Fawzān, 'Aqīdatunā fī *al-Walā' wa al-Barā'* (Riyadh: Dār Kunūz Ishbīliyā, 2012), 14.

<sup>138</sup> Mohamed Ali, "The Islamic Doctrine of *al-Wala'* wal *Bara'* (Loyalty and Disavowal) in Modern Salafism" (tesis doktor falsafah, University of Exeter, United Kingdom, 2012), 71.

daripada kaum musyrikin yang kafir.<sup>139</sup> Dalam erti kata lain, konsep tauhid *al-Walā' wa al-Barā'* bermaksud manifestasi cinta dan benci kepada seseorang atau sekumpulan manusia itu hanya kerana Allah SWT.

Oleh itu, sesiapa yang berpegang dengan *al-walā'*, maka wajib menolong agama serta orang Islam, dan sesiapa yang berpegang dengan *al-barā'*, maka wajib memerangi orang kafir serta mengingkari taghut.<sup>140</sup> Dari aspek urutan pula, asas kepada *al-Walā' wa al-Barā'* adalah lanjutan daripada perbahasan *Lā Ilāha Illā Allāh* dalam Tauhid Tiga khususnya tauhid *al-Ulūhiyyah*.<sup>141</sup> Perkara ini sebagaimana dirumuskan oleh Ibn Taymiyyah bahawa kalimah syahadah *Lā Ilāha Illā Allāh* menuntut seseorang itu supaya mencintai, membenci, menolong dan tidak memusuhi manusia lain kecuali kerana Allah SWT. Bahkan kalimah syahadah juga menuntut seseorang supaya mencintai apa yang Allah SWT cintai serta membenci apa yang Allah SWT benci.<sup>142</sup> Justeru, al-Qahtānī menjelaskan bahawa *al-Walā' wa al-Barā'* merupakan separuh daripada akidah Islam dan rukun kedua dari kalimah tauhid *Lā Ilāha Illā Allāh*.<sup>143</sup>

Menurut al-Qahtānī lagi, tauhid *al-Walā' wa al-Barā'* mempunyai beberapa elemen penting antaranya; hak sesama Muslim adalah saling berkasih sayang dan bantu-membantu, wajib berhijrah meninggalkan Darul Kufur atau negara kafir, wajib berjihad di jalan Allah SWT, wajib menolak ahli bidaah dan hawa nafsu, terputus hak pewarisan dan pernikahan antara Muslim dan kafir,

<sup>139</sup> Muḥammad ibn Sa‘īd al-Qahtānī, *al-Walā' wa al-Barā' fī al-Islām* (Riyadh: Dār Ṭayyibah, 1413H), 87-90.

<sup>140</sup> *Ibid.*, 43-45.

<sup>141</sup> *Ibid.*, 11; 40.

<sup>142</sup> Ahmad Ibn Taymiyyah, *al-Iḥtijāj bi al-Qadr*, ed. Zuhayr al-Shāwīsh (Beirut: Al-Maktab al-Islāmī, 1986), 62.

<sup>143</sup> Al-Qahtānī, *al-Walā' wa al-Barā' fī al-Islām*, 45.

larangan menyerupai (*tashabhu*) dengan orang kafir, dan boleh bertoleransi dengan orang kafir tanpa menggadaikan agama.<sup>144</sup> Berdasarkan penjelasan ini, didapati ISIS mengaplikasikan semua elemen *al-Walā' wa al-Barā'* tersebut dalam majalah *DABIQ*. Namun sebagaimana Salafi-Wahabi, mereka turut menggunakan setiap elemen itu dengan kefahaman yang salah sehingga menatihkan sikap ekstrem. Sebagai contoh, ISIS telah menghukum umat Islam yang menyambut Maulidur Rasul dengan alasan wajib menentang perbuatan bidaah.<sup>145</sup>

Berdasarkan kandungan majalah *DABIQ* di atas juga, ISIS didapati mendoktrinkan *al-walā'* terlebih dahulu dengan membawakan elemen kesetiaan dan kecintaan kepada Allah SWT. Kemudian, ia dihubungkan dengan *al-barā'* secara melampau supaya perasaan benci dan ingin berjihad dapat dikeluarkan dari dalam diri umat Islam. Ini menunjukkan bahawa penekanan ISIS lebih menjurus kepada aspek *al-barā'* berbanding aspek *al-walā'*. Kecenderungan ini mungkin dipengaruhi oleh sikap mereka yang terlalu obses dalam melaksanakan operasi jihad untuk menubuhkan atau mempertahankan Negara Islam yang dipimpin oleh Khalifah. Justeru, bagi mencapai tujuan tersebut, *al-barā'* diperlukan agar semangat anggotanya dan umat Islam lain untuk berjihad melawan orang yang dianggap musuh dan kafir oleh ISIS dapat berlangsung secara berterusan. Kesannya ramai yang terkorban hasil daripada kepincangan konsep tauhid *al-Walā' wa al-Barā'* ini.<sup>146</sup>

---

<sup>144</sup> *Ibid.*, 259.

<sup>145</sup> Wakālah al-Nabā' al-Akhbār, “Anāṣir Dā‘ish Yajlidūn Madaniyyīn fī al-Mawṣul bi Tuhmat al-Iḥtifāl bi al-Mawlid al-Nabawī,” laman sesawang *Wakālah al-Nabā' al-Akhbār*, 23 Disember 2015, dicapai 3 September 2019, <https://n.annabaa.org/news3794>

<sup>146</sup> ‘Abd al-Fattāḥ ibn Ṣalīḥ Qudaysh al-Yāfi‘ī, *Taṣḥīḥ Mafāhīm fī al-Walā' wa al-Barā'* (Yaman: Dār al-Kutub al-Yamaniyyah, 1435H), 6-97.

Disebabkan itu, ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah antaranya dari al-Azhar menolak konsep tauhid *al-Walā’ wa al-Barā’* yang dikemukakan oleh ISIS tersebut. Penolakan ini berasaskan kepada beberapa hujah antaranya *al-Walā’ wa al-Barā’* bukan prinsip utama dalam akidah Islam berbanding Rukun Iman. Pada masa yang sama, ISIS bukan sahaja mengambil al-Quran dan hadith serta kalam ulama salaf secara tidak tepat, malah mereka turut menjadikan iman mesti merangkumi tiga perkara sekaligus iaitu hati, lisan dan perbuatan. Keadaan ini menyebabkan ISIS bertindak melakukan aksi jihad dengan memerangi sesiapa sahaja yang dianggap menyeleweng oleh mereka kerana perbuatan adalah salah satu daripada aspek iman. Pengakuan dalam hati semata-mata masih tidak memadai sebagai iman.<sup>147</sup> Justeru, umat Islam mesti berhati-hati dengan tauhid *al-Walā’ wa al-Barā’* kerana elemen-elemen yang dinyatakan seolah-olah semuanya kelihatan benar. Apatah lagi *al-Walā’ wa al-Barā’* merupakan antara pemikiran tauhid terpenting yang menjadi pegangan ISIS.

### Berpegang dengan Tauhid *al-Hākimiyah*

Pada asasnya, konsep tauhid *al-Hākimiyah* dimulai oleh Sayyid Quṭb di Mesir walaupun istilah itu awalnya

<sup>147</sup> Sawt al-Ummah, “*al-Walā’ wa al-Barā’*: Ra’is Jāmi‘ah al-Azhar Yuradd ‘alā al-Mutātarifin fī al-Qaḍiyyat al-Fiqhiyyat al-Shā’ikah,” laman sesawang *Sawt al-Ummah*, 30 Mac 2019, dicapai 9 September 2019,  
<http://www.soutalomma.com/Article/864267/%C2%AB%D8%A7%D9%84%D9%88%D9%84%D8%A7%D8%A1-%D9%88%D8%A7%D9%84%D8%A8%D8%B1%D8%A7%D8%A1-%C2%BB-%D8%B1%D8%A6%D9%8A%D8%B3-%D8%AC%D8%A7%D9%85%D8%B9%D8%A9-%D8%A7%D9%84%D8%A3%D8%B2%D9%87%D8%B1-%D9%8A%D8%B1%D8%AF-%D8%B9%D9%84%D9%89-%D8%A7%D9%84%D9%85%D8%AA%D8%B7%D8%B1%D9%81%D9%8A-%D8%A7%D9%84%D9%82%D8%B6%D9%8A%D8%A9>

diperkenalkan oleh al-Mawdūdī dalam kitabnya *al-Muṣṭalaḥāt al-Arba‘ah fī al-Qur’ān* pada tahun 1941, iaitu lanjutan daripada perbahasan syahadah *Lā Ilāha Illā Allāh* berdasarkan Tauhid Tiga khususnya tauhid *al-Ulūhiyyah*.<sup>148</sup> Dalam hal ini, *al-Hākimiyah* menurut al-Mawdūdī dapat difahami sebagai kuasa tertinggi dan kuasa mutlak terhadap hukum atau undang-undang berkaitan politik, hanyalah Allah SWT. Oleh itu, setiap orang wajib mentaatinya dan tidak mengubah atau menolak ketetapan yang diwahyukan kerana Allah SWT adalah pemilik *al-Hākimiyah* sebenar.<sup>149</sup> Kemudian Sayyid Qutb memperluaskan apa yang dikemukakan oleh al-Mawdūdī tersebut secara lebih melampau sehingga ia menjadi ikutan kumpulan *Jamā‘ah al-Takfīr wa al-Hijrah*. Menurut al-Qardāwī, selain kitab *Ma ‘ālim fī al-Tariq*, Sayyid Qutb turut mempromosi konsep *al-Hākimiyah* dan *takfīr* dalam beberapa kitabnya yang lain antaranya ialah *Fī Zilāl al-Qur’ān* dan *al-‘Adālah al-Ijtīmā‘iyah fī al-Islām*.<sup>150</sup>

Menurut Sayyid Qutb, *al-Hākimiyah* adalah asas kepada agama Islam memandangkan persoalan syariah adalah sama dengan persoalan akidah. Namun melalui tempoh yang panjang, agama telah dirosakkan sehingga *al-Hākimiyah* dikatakan bukan sebahagian daripada akidah. Pendirian ini menyebabkan umat Islam tidak beranggapan keluar dari pemerintahan yang ditetapkan oleh Allah SWT sebagai terkeluar dari agama. Sedangkan Islam adalah agama yang sempurna dan tidak memisahkan

<sup>148</sup> Abū al-‘lā al-Mawdūdī, *al-Muṣṭalaḥāt al-Arba‘ah fī al-Qur’ān* (Kuwait: Dār al-Qalam, 1971), 20.

<sup>149</sup> Abū al-‘lā al-Mawdūdī, *Tadwīn al-Dustūr al-Islāmi* (Beirut: Mu’assasah al-Risālah, 1981), 18-21.

<sup>150</sup> Yūsuf al-Qardāwī, *Ibn al-Qaryah wa al-Kuttāb Malāmih Sīrah wa Masīrah* (Kaherah: Dār al-Shurūq, 2008), 3:69.

antara akidah dan syariah.<sup>151</sup> Malah, Sayyid Quṭb turut menyatakan bahawa kewujudan agama Islam adalah bersama wujudnya *al-Hākimiyyah* Allah SWT. Apabila ternafi *al-Hākimiyyah* maka ternafilah wujudnya agama Islam. Namun apa yang berlaku hari ini ialah tertegaknya para taghut atau pemerintah yang menceroboh *ulūhiyyah* Allah SWT dengan menentukan undang-undang sendiri.<sup>152</sup> Maka seluruh umat Islam adalah murtad kerana menyembah manusia dan meninggalkan *Lā Ilāha Illā Allāh* dan *al-Hākimiyyah*.<sup>153</sup>

Selain itu, Sayyid Quṭb menyatakan bahawa majoriti umat Islam pada zaman kini berada dalam jahiliyyah disebabkan oleh pencabulan terhadap *al-Hākimiyyah*. Mereka telah merampas kuasa yang merupakan hak *ulūhiyyah* Allah SWT. Menyandarkan *al-Hākimiyyah* kepada manusia menyebabkan sebahagian manusia menjadi tuhan kepada manusia yang lain. Para pemerintah telah membuat syariat, undang-undang dan ketetapan baru yang jauh terpesong daripada petunjuk Allah SWT. Keadaan ini meletakkan kedudukan mereka, beserta penyokong mereka, yang tidak melaksanakan *al-Hākimiyyah* adalah lebih teruk daripada golongan jahiliyyah terdahulu.<sup>154</sup> Dimaksudkan dengan masyarakat jahiliyyah oleh Sayyid Quṭb ialah setiap masyarakat yang bukan masyarakat Islam. Secara tepatnya, masyarakat jahiliyyah adalah masyarakat yang tidak bulat peribadatan kepada Allah SWT sama ada dari aspek kepercayaan, syiar ibadat dan undang-undang. Maka termasuk dalam

<sup>151</sup> Sayyid Quṭb, *Fī Zilāl al-Qur'ān* (Kaherah: Dār al-Shurūq, 1972), 4:2020-2021.

<sup>152</sup> *Ibid.*, 3:1217. Lihat juga Fauzi Zakaria, *Pengaruh Pemikiran Sayyid Qutb terhadap Gerakan Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Jundi Resources, 2007), 56-57.

<sup>153</sup> Sayyid Quṭb, *Fī Zilāl al-Qur'ān*, 2:1057.

<sup>154</sup> Sayyid Quṭb, *Ma 'ālim fī al-Tariq* (Kaherah: Dār al-Shurūq, 1979), 8.

masyarakat jahiliyyah semua bentuk masyarakat yang ada sekarang.<sup>155</sup>

Kenyataan yang diketengahkan oleh Sayyid Quṭb ini bukan sahaja ditentang oleh ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah, bahkan ia turut ditolak oleh pemimpin Ikhwān al-Muslimīn sendiri seperti Ḥasan al-Huḍaybī pada awalnya.<sup>156</sup> Menurut al-Nadwī, konsep *al-Ḥākimiyah* itu tidak sepatutnya dimasukkan dalam persoalan akidah kerana ia adalah berkaitan politik. Penekanan *al-Ḥākimiyah* akan menyebabkan juzuk besar akidah seperti sifat-sifat Allah SWT menjadi kecil dan ia boleh membawa kepada penyewelangan akidah.<sup>157</sup> Justeru, al-‘Awāriy menyimpulkan bahawa kepincangan konsep *al-Ḥākimiyah* berlegar tentang kesalahan dalam pengistilahan, kefahaman dan huraian, bercanggah dengan nas, serta salah dalam meletakkan kedudukan.<sup>158</sup> Namun apa yang lebih membimbangkan, konsep *al-Ḥākimiyah* ini telah membawa gejala *takfir* secara berleluasa pada masa kini khususnya oleh ISIS.<sup>159</sup> Mereka mengkafirkan seluruh negara dan umat Islam kerana dikatakan tidak berhukum dengan syariat yang diturunkan oleh Allah SWT.<sup>160</sup>

---

<sup>155</sup> *Ibid.*, 88-89.

<sup>156</sup> Razali Musa, "Pendekatan Hassan al-Hudaybi dalam Permasalahan Takfir: Aplikasinya dalam Isu-isu Politik di Malaysia" (tesis doktor falsafah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011), 59. Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai masalah *al-Ḥākimiyah* berkaitan Ikhwān Muslimīn, rujuk karya: 'Alī Jum'at, *Hikāyat al-Irhāb* (Kaherah: Dār al-Nahār, 2017).

<sup>157</sup> Abū al-Ḥasan 'Alī al-Hasanī al-Nadwī, *al-Tafsīr al-Siyāsī li al-Islām* (Kaherah: Dār Afāq al-Ghad, 1980), 68; 94.

<sup>158</sup> 'Abd al-Fattāḥ 'Abd al-Ghannī al-‘Awāri, "Mafhum al-Ḥākimiyah," dalam *al-Azhar fī Muwājāhat al-Fikr al-Irhābī* (Kaherah: Dār al-Quds al-‘Arabi, 2016), 79-93.

<sup>159</sup> Usāmah al-Sayyid Maḥmūd al-Azhari, *al-Ḥaqqa al-Mubīn fī al-Radd 'alā Man Talā'ab bi al-Dīn* (Abū Dhabi: Dār al-Faqīh, 2010), 17.

<sup>160</sup> Al-Mā'idah 5: 44.

## Bermudahan Mengkafirkan Umat Islam (*Takfir*)

Pemikiran ekstrem telah wujud semenjak zaman awal Islam lagi dengan perbuatan bermudah-mudah mengkafirkan orang Islam lain (*takfir*) seperti yang dilakukan oleh golongan Khawārij dan Shi‘ah. Cuma topik ini difokuskan kepada Khawārij sahaja kerana penyelewengan Shi‘ah telah diketahui umum, di samping pemikiran ISIS mempunyai kaitan dan kesinambungan secara khusus dengan Khawārij.<sup>161</sup> Secara rasminya, kemunculan Khawārij adalah berpuncak daripada perselisihan berkaitan isu kepimpinan (*imāmah*) dalam memilih siapakah yang lebih layak menjadi khalifah selepas kewafatan Rasulullah SAW. Menurut al-Ash‘arī, perselisihan tersebut berlarutan sehingga zaman ‘Alī r.a menjadi khalifah keempat, yang mana beliau turut difitnah merancang pembunuhan ‘Uthmān r.a. Maka berlaku beberapa siri penentangan terhadapnya, dan yang paling menonjol adalah peperangan Ḫiffin dengan tentera Mu‘awiyyah r.a. Namun peristiwa *tahkīm* yang berlaku antara ‘Alī r.a dengan Mu‘awiyyah r.a menyebabkan pengikutnya berpecah kepada dua kumpulan.<sup>162</sup>

Sejarah mencatatkan bahawa pada awalnya golongan Khawārijlah yang mendesak ‘Alī r.a menerima *tahkīm* dengan melantik Abū Mūsā al-Ash‘arī r.a. Mereka menyatakan bahawa “mereka itu mengajak kami kepada kitab Allah, sedangkan kamu mengajak kami kepada

<sup>161</sup> Muhammad al-Yaqoubi, *Refuting ISIS: A Rebuttal of its Religious and Ideological Foundations* (United States: Sacred Knowledge, 2015), 8. Lihat juga Muhammad Rashidi Wahab et. al., “Sejarah Ekstremisme Sehingga Kemunculan ISIS/DAESH,” dalam *Liberalisme dan Ekstremisme: Wacana Pemikiran Kontemporeri Islam*, ed. Rahimah Embong et. al. (Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, 2020), 153-170.

<sup>162</sup> Abī al-Ḥasan ‘Alī ibn Ismā‘il al-Ash‘arī, *Maqālāt al-Islāmiyyīn wa Iktīlāf al-Muṣallīn*, ed. Muḥammad Muhy al-Dīn ‘Abd al-Ḥamīd (Beirut: Maktabah al-‘Aṣriyyah, 1990), 1:49-64.

pedang (perang)". Akan tetapi setelah keputusan *tahkīm* didapati tidak seperti apa yang diharapkan, mereka bertindak keluar daripada kumpulan ‘Alī r.a.<sup>163</sup> Sehubungan itu, mereka menuntut agar ‘Alī r.a bertaubat kerana menerima *tahkīm* yang dianggap suatu dosa besar bahkan menjadi kafir. Mereka juga mencaci-maki ‘Alī r.a dan ‘Uthmān r.a dan menuduh para pengikut keduanya adalah musyrik. Malah mereka turut mengkritik ucapan dan solat ‘Alī r.a. Melalui slogan “Tiada Hukum Kecuali Hukum Allah”, mereka mula memerangi ‘Alī r.a dan kaum Muslimin yang tidak sependapat dengan mereka.<sup>164</sup> Ini menunjukkan bahawa konsep *al-Hākimiyah* yang dibincangkan di atas mempunyai hubungan dengan pemikiran Khawārij.

Dalam hal ini, Abū Zahrah menyatakan bahawa Khawārij berhujah menggunakan zahir al-Quran dan hadith semata-mata, tanpa kefahaman yang betul, namun mereka meyakini bahawa itulah sebenarnya agama Islam yang suci, yang tidak boleh dilanggari oleh sesiapa pun. Maka sesiapa yang tidak sependapat dengan mereka akan dihukum sebagai kafir. Oleh itu, mereka tidak teragak-agak menghalalkan darah orang Muslim yang dikafirkan termasuklah melalui perperangan. Antara yang pernah menjadi mangsa pembunuhan Khawārij ialah ‘Abd Allāh ibn Khabbāb ibn al-Art dan pembantu wanitanya yang telah dirobek perut, kerana tidak berkata ‘Alī r.a adalah seorang musyrik. Tindakan kejam Khawārij tersebut menunjukkan bahawa mereka lebih bersikap lembut dengan orang kafir, tetapi keras dengan sesama Muslim. Berdasarkan sikap melampau golongan Khawārij tersebut,

<sup>163</sup> Abī al-Fath Muḥammad ‘Abd al-Karīm ibn Abī Bakr al-Sharastānī, *al-Milal wa al-Nihāl*, ed. Amīr ‘Alī Mahnā dan ‘Alī Ḥasan Fā‘ūr (Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1993), 1:133-134.

<sup>164</sup> Abū Zahrah, *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah*, 58-60.

'Alī r.a terpaksa memerangi mereka agar kesucian agama dan kesatuan umat Islam terpelihara.<sup>165</sup>

Kerosakan pemikiran *takfīr* Khawārij ini telah dijawab oleh para ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah. Namun melalui tempoh yang panjang, pemikiran tersebut telah dihidupkan kembali dengan jenama yang lain. Dalam konteks makalah ini, ISIS yang didapati terpengaruh dengan aliran Salafi-Wahabi telah menggunakan pendekatan *takfīr* secara melampau bagi membenarkan tindakan mereka berjihad membunuh sesiapa sahaja yang dianggap musuh Islam. Secara tepatnya, pemikiran *takfīr* ini adalah berpunca daripada metode akidah yang menjadi pegangan mereka iaitu Tauhid Tiga. Menurut Muḥammad 'Abd al-Wahhāb, seseorang Muslim akan jatuh ke dalam syirik besar atau kafir sekiranya salah satu perbuatan ini dikemukakan kepada selain Allah SWT iaitu; doa, *isti 'ānah*, *istighāthah*, menyembelih binatang korban, nazar, *khawf*, *rajā'*, tawakkal, *inābah*, *mahabbah*, *khashyah*, *raghbah*, *rahbah*, *ta'alluh*, rukuk, sujud, khusyuk, *tadhallul* dan *ta'zīm*.<sup>166</sup>

Atas dasar ini, perkara *khilāfiyyah* yang dilakukan oleh umat Islam seperti tawassul, *istighāthah*, menziarahi makam Rasulullah SAW dan lain-lain dihukum sebagai bidaah, sesat serta syirik kerana ia dikatakan sebagai satu bentuk penyembahan atau peribadatan kepada selain Allah SWT.<sup>167</sup> Sesiapa yang mempersekutukan Allah SWT dengan perbuatan tersebut, maka keyakinan mereka

---

<sup>165</sup> *Ibid.*

<sup>166</sup> Muḥammad ibn 'Abd al-Wahhāb, "al-Risālah al-Tāsi'ah," dalam *Majmū'ah al-Tawhīd* (Riyadh: Maktabah al-Malik Fahd al-Wataniyyah, 1999), 167. Lihat juga Engku Ibrahim Engku Wok Zin, Abdull Rahman Mahmood dan Syed Hadzrullathfi Syed Omar, "Syaikh Muhammad bin 'Abd Al-Wahhab dan Kaitannya dengan Isu *Takfir*," *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 4 (2011), 61-72.

<sup>167</sup> Abū Zahrah, *Tāriikh al-Madhāhib al-Islāmiyyah*, 205.

adalah sama atau bahkan lebih teruk, daripada kepercayaan orang kafir Arab jahiliyyah terhadap Tuhan kerana mereka masih lagi bertauhid dengan tauhid *al-Rubūbiyyah*.<sup>168</sup> Hal ini sebagaimana disebutkan oleh Muhammad ‘Abd al-Wahhāb bahawa orang kafir pada zaman Nabi Muhammad SAW lebih mengetahui makna tauhid *Lā Ilāha Illā Allāh* berbanding sebahagian Muslim pada zaman kini yang tidak memiliki tauhid *al-Ulūhiyyah*. Asas inilah yang menjadi titik penting dalam isu *takfīr* terhadap majoriti umat Islam yang dikaitkan dengan aliran Salafi-Wahabi.<sup>169</sup>

Pendekatan Tauhid Tiga ini khususnya tauhid *al-Ulūhiyyah* kemudian diperluaskan lagi penggunaannya sehingga muncul tauhid *al-Walā’ wa al-Barā’* dan tauhid *al-Hākimiyah*. Jika diteliti, pembahagian tauhid kepada beberapa bahagian ini bukan sahaja dilakukan oleh Salafi-Wahabi, sebaliknya ia turut digunakan oleh aliran Shī‘ah. Menurut al-Subḥānī, tauhid Shī‘ah mempunyai tujuh bahagian atau peringkat iaitu; tauhid *al-Dhāt*, tauhid *al-Khāliqiyah*, tauhid *al-Rubūbiyyah wa al-Tadbīr*, tauhid *al-Tashrī’ wa al-Taqnīn*, tauhid *al-Tā’ah*, tauhid *al-Hākimiyah* dan tauhid *al-Ibādah*.<sup>170</sup> Berdasarkan pembahagian ini, didapati tauhid Salafi-Wahabi adalah hampir sama dengan tauhid Shī‘ah walaupun dari sudut penyusunan dan pengistilahan yang digunakan sedikit berbeza.<sup>171</sup> Sebagai contohnya, tauhid *al-Walā’ wa al-Barā’* yang dikemukakan oleh Salafi-Wahabi adalah serupa dengan tauhid *al-Tā’ah* yang dikemukakan oleh

<sup>168</sup> Muḥammad Aḥmad Bāshumīl, *Kayf Nafham al-Tawḥīd?*, 12.

<sup>169</sup> Muḥammad ibn ‘Abd al-Wahhāb, *Kashf al-Shubuhāt*, 8; Ahmād ibn Zaynī, *Fitnah al-Wahhābiyyah*, 37-44.

<sup>170</sup> Ja‘far al-Subḥānī, *al-Tawḥīd wa al-Shirk fī al-Qur’ān al-Karīm* (Qum: Mu’sasah al-Imām al-Sādiq, 1416H), 5-21.


<sup>171</sup> Ḥerisī Muḥammad Hilūlah, *al-Salafiyah al-Wahhābiyyah Bayn Mu’ayyidīhā wa Muntaqadīhā* (Brunei: Borneo Printers & Trading Sdn. Bhd., 1996), 107.

Shī'ah. Begitu juga tauhid *al-Ulūhiyyah* adalah sama dengan tauhid *al-Tbādah*.

Berdasarkan kandungan majalah *DABIQ* di atas, ISIS telah menghukum kafir kepada sesiapa sahaja dalam kalangan umat Islam yang didapati menyalahi konsep Tauhid Tiga, tauhid *al-Walā' wa al-Barā'* dan tauhid *al-Hākimiyyah*. Kesannya seluruh umat Islam dianggap sebagai kafir oleh ISIS kerana tidak bersama dan tidak sependapat dengan mereka. Oleh itu, setiap yang dikafirkkan adalah halal darah mereka untuk ditumpahkan oleh para 'mujahidin' atau '*muwahhidin*'. Ini kerana, memerangi orang kafir dan murtad adalah wajib dengan setiap Muslim dituntut untuk berhijrah dan berjihad bersama ISIS. Manakala tujuan jihad ini pula adalah untuk mendirikan sebuah Negara Islam yang dipimpin oleh seorang Khalifah. Dengan terbinanya Negara Islam, maka agama Islam dapat ditegakkan selari dengan hadith akhir zaman. Kerangka pemikiran inilah yang menjadi dasar pegangan mereka, sekaligus membuktikan bahawa pemikiran tauhid merupakan tunjang utama disebalik setiap tindakan ISIS.<sup>172</sup>

---

<sup>172</sup> Ahmad el-Muhammady Muhammad Uthman el-Muhammady, Wan Ruzailan Wan Mat Rusoff dan Muhammad Azamuddin Hashim, "Struktur Ideologi DAESH@ISIS: Salafi-Jihadi," dalam *Belia Ekstrimis*, ed. Mohd Hizam Hanafiah dan Zainah Shariff (Putrajaya: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2019), 38.



Rajah 2: Kerangka pemikiran tauhid ISIS

Rajah di atas menunjukkan kerangka pemikiran tauhid ISIS dengan konsep Tauhid Tiga yang dibawa oleh aliran Salafi-Wahabi menjadi asas kepada pemikiran mereka. Disebabkan itu, sebelum kemunculan ISIS lagi, ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah pernah menegaskan bahawa antara faktor munculnya pemikiran ekstrem dalam dunia Islam hari ini adalah metode pengajian akidah Tauhid Tiga yang terdapat dalam kurikulum pendidikan Islam. Metode ini menyebabkan mudahnya berlaku gejala *takfir*.<sup>173</sup> Jika mereka melangkah lebih jauh dengan kesalahfahaman tentang jihad dan politik pula, maka akan

<sup>173</sup> Al-Sayyid Muhammadi 'Alawy al-Maliki al-Hasani, *al-Ghuluw wa Atharuh fī al-Irhāb wa Ifsād al-Mujtama'* (t.t.p.: t.p., t.t.), 31-33; Syed Hadzrullah Syed Omar dan Muhammad Rashidi Wahab, "Konsep Pengajian Tauhid Tiga: Satu Analisis," 55-84.

menjadi pengganas seperti ISIS. Perkara sama pernah disuarakan di Malaysia agar pengajian Tauhid Tiga dimansuhkan dari silibus pendidikan sekolah sebagai langkah awal membendung pengaruh ekstremisme.<sup>174</sup> Namun beberapa pihak didapati sedaya-upaya cuba menafikan kaitan Tauhid Tiga dengan pemikiran ISIS walaupun hujah ilmiah kelihatan tidak menyebelahi pendapat mereka.<sup>175</sup>

## Rumusan

Ekstremisme merupakan ancaman yang sedang dihadapi oleh dunia Islam hari ini dengan kemunculan ISIS. Mereka telah menyalahgunakan nama Islam sehingga Islam dikaitkan dengan keganasan. Keadaan ini memberi peluang kepada Barat untuk terus menyebarkan propaganda Islamofobia ke seluruh dunia. Berdasarkan analisis majalah *DABIQ* di atas, didapati pemikiran tauhid yang menjadi pegangan ISIS adalah berteraskan akidah aliran Salafi-Wahabi. Daripada aliran inilah mereka mengambil konsep Tauhid Tiga, tauhid *al-Walā' wa al-Barā'* dan tauhid *al-Hākimiyah* yang pada akhirnya menghasilkan gejala *takfir*. Maka, ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah seperti Shaykh al-Azhar memandang Salafi-Wahabi adalah Khawārij Moden yang telah menyuburkan kembali budaya *takfir* ke dalam pemikiran umat Islam,<sup>176</sup> menyebabkan Mesir mengharamkan buku-

---

<sup>174</sup> Muhammad Rashidi Wahab, "Implikasi Pengajian Konsep Tauhid Tiga," laman sesawang *Berita Harian*, 6 Oktober 2016, dicapai 3 Oktober 2019, <https://www.bharian.com.my/node/199307>

<sup>175</sup> Utusan Online, "Tauhid Tiga Serangkai Doktrin Keganasan?," laman sesawang *Utusan Online*, 13 Disember 2017, dicapai 3 Oktober 2019, <https://www.utusan.com.my/mega/agama/tauhid-tiga-serangkai-doktrin-keganasan-1.571982>

<sup>176</sup> Al-Ḥayāt, "Shaykh al-Azhar Ya'tabir al-Salafiyyīn "al-Khawārij al-'Aṣr'," laman sesawang *al-Ḥayāt*, 5 April 2011, dicapai 11 Oktober 2019, <http://www.alhayat.com/article/1512858>

buku tokoh Salafi-Wahabi kepada masyarakat awam.<sup>177</sup> Ini secara tidak langsung bermaksud, seseorang itu tidak akan memahami ISIS jika mereka tidak mengetahui tentang sejarah dan pemikiran Salafi-Wahabi.<sup>178</sup>

Walaupun bukan semua Salafi-Wahabi adalah pengganas, namun jika dilihat persamaan pemikiran tauhid mereka, ajaran ini akan lebih berpotensi mendorong seseorang untuk berjihad atau menyokong ISIS. Disebabkan itu, keseluruhan ideologi ISIS disebutkan juga sebagai Salafi Jihadi yang memiliki dua elemen penting iaitu akidah Salafi-Wahabi dan juga 'jihad' yang melampau.<sup>179</sup> Istilah Salafi Jihadi ini, sekalipun boleh dibahaskan lagi, turut digunakan oleh ulama Ahl al-

---

<sup>177</sup> 'Arabi21, "Muṣādarah Kutub Ibn Bāz wa Ibn 'Uthaymīn min Masājid Miṣr," laman sesawang 'Arabi21, 25 Jun 2015, dicapai 11 Oktober 2019, <https://arabi21.com/story/840519/%D9%85%D8%B5%D8%A7%D8%AF%D8%B1%D8%A9-%D9%83%D8%AA%D8%A8-%D8%A7%D8%A8%D9%86-%D8%A8%D8%A7%D8%AB%D9%8A%D9%85%D9%8A%D9%86-%D9%85%D9%86-%D9%85%D8%AC%D8%AF-%D9%85%D8%B5%D8%B1?fbclid=IwAR0tUyjrjzQF8zAXOU3A8eHpg6fOELKfsbf8bkpLoq55mjpiTaLFko23kk>

<sup>178</sup> Alastair Crooke, "You Can't Understand ISIS If You Don't Know the History of Wahhabism in Saudi Arabia," laman sesawang *HuffPost*, 27 Ogos 2014, dicapai 12 Oktober 2019, [https://www.huffpost.com/entry/isis-wahhabism-saudi-arabia\\_b\\_5717157](https://www.huffpost.com/entry/isis-wahhabism-saudi-arabia_b_5717157)

<sup>179</sup> Sharaz Maher, *Salafi-Jihadism: The History of an Idea* (New York: Oxford Universiti Press, 2016), 8-20; Cole Bunzel, *From Paper State to Caliphate: The Ideology of the Islamic State* (Washington: Center for Middle East Policy at Brookings, 2015), 7. Lihat juga Ayob Khan Mydin Pitchay, "Hapuskan ideologi Salafi Jihadi perangi ancaman Daesh," laman sesawang *Berita Harian*, 13 September 2016, dicapai 26 November 2019, <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2016/09/192257/hapuskan-ideologi-salafi-jihadi-perangi-ancaman-daesh>

Sunnah wa al-Jamā'ah seperti Muḥammad al-Ya‘qūbī bagi menggambarkan pemikiran ISIS.<sup>180</sup> Malah ia juga diperakui oleh Kerajaan Malaysia melalui Kertas Putih ke Arah Menangani Ancaman Kumpulan Islamic State.<sup>181</sup> Memandangkan betapa seriusnya ancaman ISIS, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-106 telah memutuskan bahawa pegangan ISIS adalah bercanggah dengan ajaran Islam.<sup>182</sup> Oleh itu, umat Islam perlu menjauhi setiap elemen pemikiran tauhid ISIS.

### Penghargaan

Makalah ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan yang bertajuk *The Ideology of ISIS@DAESH: A Study of Dabiq and Rumiyah* tajaan Wasatiyyah Centre for Peace (dahulu dikenali sebagai Global Movement of Moderates Foundation).

### Rujukan

- Al-‘Awāri, ‘Abd al-Fattāḥ ‘Abd al-Ghannī. “Mafhūm al-Hākimiyah.” Dalam *al-Azhar fī Muwājahat al-Fikr al-Irhābi*. Kaherah: Dār al-Quds al-‘Arabi, 2016.
- Jum‘at, ‘Alī, “Taqṣīm al-Tawḥīd wa Takfir al-Muslimīn,” no. fatwa: 3748, laman sesawang *Dār al-Iftā’ al-Miṣriyyah*, 3 Februari 2007.
- Jum‘at, ‘Alī, *Hikāyat al-Irhāb*. Kaherah: Dār al-Nahār, 2017.

<sup>180</sup> Muhammad al-Yaqoubi, *Refuting ISIS*, xii.

<sup>181</sup> Kerajaan Malaysia, Kertas Periman 76 Tahun 2014: Kertas Putih ke Arah Menangani Ancaman Kumpulan Islamic State (Malaysia: Dewan Rakyat / Dewan Negara, 2014), 4.

<sup>182</sup> Portal Rasmi Fatwa Malaysia, “Isu Umat Islam Malaysia Yang Berjuang Atas Nama ISIS,” laman sesawang *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, 2014, dicapai 27 Mac 2017, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/isu-umat-islam-malaysia-yang-berjuang-atas-nama-isis-0>

- 'Arabi21, "Muşâdarah Kutub Ibn Bâz wa Ibn 'Uthaymîn min Masâjid Mişr," laman sesawang 'Arabi21, 25 Jun 2015.
- 'Umar 'Abd Allâh Kâmil. *Kalimah Hâdi'ah fî Bayân Khaṭâ' al-Taqsim al-Thulâthî li al-Tawhîd*. Oman: Dâr al-Râzî, 2006.
- Abû Zahrah, Muḥammad. *Târîkh al-Madhâhib al-Islâmiyyah*. Kaherah: Dâr al-Fikr al-'Arabi, 1996.
- Ahmad el-Muhammady Muhammad Uthman el-Muhammady, Wan Ruzailan Wan Mat Rusoff dan Muhammad Azamuddin Hashim. "Struktur Ideologi DAESH@ISIS: Salafi-Jihadi." Dalam *Belia Ekstrimis*, ed. Mohd Hizam Hanafiah dan Zainah Shariff. Putrajaya: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, 2019: 38-49.
- Aḥmad ibn Zaynī Daḥlān. *Al-Durar al-Sanniyyah fî al-Radd 'alâ al-Wahhâbiyyah*. Turkey: Maktabah al-Haqiqah, 2002.
- Aḥmad ibn Zaynī Daḥlān. *Fitnah al-Wahhâbiyyah min al-Futūḥât al-Islâmiyyah*, ed. Muḥammad 'Abd al-Fattâḥ 'Umar. t.t.p.: t.p., t.t.
- Al-'Uthaymîn, Muḥammad ibn Ṣâlih. *Al-Qawâ'id al-Muthlâ fî Ṣifât Allâh wa al-Asmâ'iḥ al-Husnâ*. Kaherah: Maktabah al-Sunnah, 1990.
- Al-'Uthaymîn, Muḥammad ibn Ṣâlih. *Liqâ'at al-Bâb al-Maftûh*. Riyad Dâr al-Waṭan li al-Nashr, 1408H.
- Al-'Uthaymîn, Muḥammad ibn Ṣâlih. *Sharh 'Aqîdah Ahl al-Sunnah wa al-Jamâ'ah*. Mişr: Dâr al-Yaqîn, 2008.
- Al-Ash'arî, Abî al-Ḥasan 'Alî ibn Ismâ'îl. *Maqâlât al-Islâmiyyîn wa Ikhtilâf al-Muṣallîn*, ed. Muḥammad Muhy al-Dîn 'Abd al-Ḥamîd. Beirut: Maktabah al-'Asriyyah, 1990.
- Crooke, Alastair, "You Can't Understand ISIS if You Don't Know the History of Wahhabism in Saudi Arabia," laman sesawang *HuffPost*, 27 Ogos 2014.

- Al-Azharī, Usāmah al-Sayyid Maḥmūd. *Al-Haqq al-Mubīn fī al-Radd 'alā Man Talā'ab bi al-Dīn*. Abū Dhabi: Dār al-Faqīh, 2010.
- Al-Būtī, Muḥammad Sa'īd Ramaḍān. *Al-Salafiyyah: Marhalah Zamāniyyah Mubārakah Lā Madhhāb Islāmi*. Damshiq: Dār al-Fikr, 2007.
- Al-Fawzān, Ṣalīḥ ibn Fawzān. 'Aqīdatunā fī al-Walā' wa al-Barā'. Riyadh: Dār Kunūz Ishbiliyā, 2012.
- Al-Ḥanbalī, 'Uthmān ibn 'Abd Allāh ibn Bashr al-Najdī. 'Unwān al-Majd fī Tārīkh Najd, ed. 'Abd al-Rahmān ibn 'Abd al-Laṭīf ibn 'Abd Allāh Āl al-Shaykh. Riyadh: Maṭbū'āh Dār al-Malik 'Abd al-'Azīz, 1982.
- Al-Hasanī, al-Sayyid Muḥammad 'Alawī al-Maliki. *Al-Ghuluw wa Atharuh fī al-Irhāb wa Ifsād al-Mujtama'*. t.t.p.: t.p., t.t.
- Al-Hasanī, al-Sayyid Muḥammad 'Alawī al-Maliki. *Huwa Allāh*. t.t.p.: t.p., t.t.
- Al-Hawālī, Safr ibn 'Abd al-Rahmān. *Manhaj al-Ashā'irah fī 'Aqīdah*. Yaman: Dār al-Quds, t.t.
- Al-Hayāt. "Shaykh al-Azhar Ya'tabir al-Salafiyyin "al-Khawārij al-'Aṣr,"" laman sesawang *al-Hayāt*, 5 April 2011.
- Al-Haytamī, Aḥmad Shihāb al-Dīn ibn Ḥajar. *Al-Fatāwā al-Hadīhiyyah*. Beirut: Dār al-Ma'rifah, t.t.
- Al-Manṣūri, Ibrāhīm al-Samnūdī. *Sa'ādah al-Dārāyin fī al-Radd 'alā al-Firqatayn al-Wahhābiyyah wa Muqallidah al-Zāhiriyah*. Mansoura: Maktabah al-Īmān, t.t.
- Al-Mawdūdī, Abū al-A'lā. *Al-Muṣṭalaḥāt al-Arba'ah fī al-Qur'ān*. Kuwait: Dār al-Qalam, 1971.
- Al-Mawdūdī, Abū al-A'lā. *Tadwīn al-Dustūr al-Islāmī*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1981.
- Al-Nadwī, Abū al-Ḥasan 'Alī al-Hasanī. *Al-Tafsīr al-Siyāsi li al-Islām*. Kaherah: Dār Afāq al-Ghad, 1980.
- Al-Qahtānī, Muḥammad ibn Sa'īd. *Al-Walā' wa al-Barā' fī al-Islām*. Riyadh: Dār Tayyibah, 1413H.

- Al-Qardāwī, Yūsuf. *Ibn al-Qaryah wa al-Kuttāb Ma'lāmiḥ Sīrah wa Masīrah*. Kaherah: Dār al-Shurūq, 2008.
- Al-Shāfi'i, Salāmah al-Qadā'i al-'Izāmī. *Al-Barāhīn al-Sāti'ah fī Radd Ba'd al-Bida' al-Shā'i'ah*. Kaherah: Maṭba'ah al-Yanbādah, t.t.
- Al-Sharastānī, Abī al-Fath Muḥammad 'Abd al-Karīm ibn Abī Bakr. *Al-Milal wa al-Nihāl*, ed. Amīr 'Alī Mahnā dan 'Alī Hasan Fā'ūr. Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1993.
- Al-Sharīf, Abū Hāshim al-Sayyīd. *Rakā'iz al-Tawhīd fī Madrasah Muhammād ibn 'Abd al-Wahhāb*. Mansoura: Maktabah al-Rāḥmah al-Mahdāh, t.t..
- Al-Subhānī, Ja'far. *Al-Tawhīd wa al-Shirk fī al-Qur'an al-Karīm*. Qum: Mu'assasah al-Imām al-Ṣādiq, 1416H.
- Al-Subkī, Taqī al-Dīn Abī Naṣr 'Abd al-Wahhāb ibn 'Alī ibn Abd al-Kāfī. *Tabaqāt al-Shāfi'iyyah al-Kubrā*, ed. Maḥmūd Muḥammad al-Ṭanāḥī dan 'Abd al-Fattāḥ al-Hilw. t.tp.: Dār Iḥyā' al-Kitāb al-'Arabiyyah, 1964.
- Al-Yāfi'i, 'Abd al-Fattāḥ ibn Sāliḥ Qudaysh. *Tashīḥ Mafāhīm fī al-Walā' wa al-Barā'*. Yaman: Dār al-Kutub al-Yamaniyyah, 1435H.
- Al-Yaqoubi, Muhammad. *Refuting ISIS: A Rebuttal of its Religious and Ideological Foundations*. United States: Sacred Knowledge, 2015.
- Al-Zabīdī, al-Sayyīd Muḥammad ibn Muḥammad al-Ḥusaynī. *Ithaf al-Sādah al-Muttaqīn bi Sharḥ Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1989.
- Amal Fathullah Zarkasyi. *Aqidah Tauhid Ibn Taymiyyah*. Negeri Sembilan: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia, 2014.
- Āminah Muḥammad Naṣīr. *Al-Shaykh Muḥammad ibn 'Abd al-Wahhāb wa Manhajuh fī Mabāhith al-'Aqīdah*. Kaherah: Dār al-Shurūq, 1983.
- Astro Awani, "234 rakyat Malaysia disyaki terbabit Daish ditahan - KDN," laman sesawang *Astro Awani*, 21 Mac 2017.

Muhammad Rashidi, Mohd Fauzi, Mohd Hizam, Ahmad El-Muhammady, Abdullaah, "Majalah *DABIQ* Sebagai Medium Propaganda," *Afkār* Vol. 23 Issue 2 (2021): 339-404

Ayob Khan Mydin Pitchay, "Hapuskan ideologi Salafi Jihadi perangi ancaman Daesh," laman sesawang *Berita Harian*, 13 September 2016.

Berita Harian, "53 anggota DAESH dari Malaysia masih di Syria," laman sesawang *Berita Harian*, 27 Februari 2018.

Berita Harian, "Polis tahan 15 individu disyaki terbabit Daesh," laman sesawang *Berita Harian*, 26 September 2019.

Bunzel, Cole. *From Paper State to Caliphate: The Ideology of the Islamic State*. Washington: Center for Middle East Policy at Brookings, 2015.

Dewan Bahasa dan Pustaka. *Kamus Dewan*, ed. Noresah Baharom. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015.

Engku Ibrahim Engku Wok Zin, Abdull Rahman Mahmood dan Syed Hadzrullahfi Syed Omar, "Syaikh Muhammad bin 'Abd Al-Wahhab dan Kaitannya dengan Isu Takfir," *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 4 (2011): 61-72.

Fauzi Zakaria. *Pengaruh Pemikiran Sayyid Qutb terhadap Gerakan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jundi Resources, 2007.

Free Malaysia Today, "SKMM sekat Majalah Dabiq, Rumiyah sebar fahaman IS," laman sesawang *Free Malaysia Today*, 11 Mac 2017.

Al-Rudaysī, Ḥamādī dan Nūwaydah, Asmā'. *Al-Radd 'alā al-Wahhābiyyah fī al-Qarn al-Tāsi 'Ashar*. Beirut: Dār al-Tali'ah, 2008.

Hilūlah, Ḥersī Muḥammad. *Al-Salafīyyah al-Wahhābiyyah Bayn Mu'ayyidīhā wa Muntaqadīhā*. Brunei: Borneo Printers & Trading Sdn. Bhd., 1996.

Ibn Ḥumayd, Muḥammad ibn 'Abd Allāh al-Najdī al-Hanbālī. *Al-Suhub al-Wābilah 'alā Darā'iḥ al-Hanābilah*. t.tp: Maktabah al-Imām Ahmād, 1989.

Muhammad Rashidi, Mohd Fauzi, Mohd Hizam, Ahmad El-Muhammady, Abdullaah, "Majalah *DABIQ* Sebagai Medium Propaganda," *Afkār* Vol. 23 Issue 2 (2021): 339-404

- Ibn Taymiyyah, Ahmād. *Al-Iḥtijāj bi al-Qadr*, ed. Zuhayr al-Shāwīsh. Beirut: Al-Maktab al-Islāmī, 1986.
- Ibn Taymiyyah, Ahmād. *Majmū‘ Fatāwā Shaykh al-Islām Ahmad ibn Taymiyyah*. t.tp.: t.p., t.t..
- Ibn Taymiyyah, Ahmād. *Al-Risālah al-Tadmiriyyah*, ed. Muḥammad ibn ‘Awdaḥ al-Sa‘wī. Riyad: Maktabah al-‘Ubaykān, 2000.
- Islamic State of Iraq and Sham. *DABIQ (Issue 1)*. t.tp.: AlHayat Media Center, Ramadan 1435 Hijrah.
- Islamic State of Iraq and Sham. *DABIQ (Issue 2)*. t.tp.: AlHayat Media Center, Ramadan 1435 Hijrah).
- Islamic State of Iraq and Sham. *DABIQ (Issue 3)*. t.tp.: AlHayat Media Center, Syawal 1435 Hijrah).
- Islamic State of Iraq and Sham. *DABIQ (Issue 4)*. t.tp.: AlHayat Media Center, Zulhijjah 1435 Hijrah).
- Islamic State of Iraq and Sham. *DABIQ (Issue 5)*. t.tp.: AlHayat Media Center, Muharam 1436 Hijrah.
- Islamic State of Iraq and Sham. *DABIQ (Issue 6)*. t.t.p.: AlHayat Media Center, Rabiulawal 1436 Hijrah.
- Islamic State of Iraq and Sham. *DABIQ (Issue 7)*. t.tp.: AlHayat Media Center, Rabiulakhir 1436 Hijrah.
- Islamic State of Iraq and Sham. *DABIQ (Issue 8)*. t.tp.: AlHayat Media Center, Jamadilakhir 1436 Hijrah.
- Islamic State of Iraq and Sham. *DABIQ (Issue 9)*. t.tp.: AlHayat Media Center, Syaaban 1436 Hijrah.
- Islamic State of Iraq and Sham. *DABIQ (Issue 10)*. t.tp.: AlHayat Media Center, Ramadan 1436 Hijrah.
- Islamic State of Iraq and Sham. *DABIQ (Issue 11)*. t.tp.: AlHayat Media Center, Zulkaedah 1436 Hijrah).
- Islamic State of Iraq and Sham. *DABIQ (Issue 12)*. t.tp.: AlHayat Media Center, Safar 1437 Hijrah.
- Islamic State of Iraq and Sham. *DABIQ (Issue 13)*. t.tp.: AlHayat Media Center, Rabiulakhir 1437 Hijrah.
- Islamic State of Iraq and Sham. *DABIQ (Issue 14)*. t.tp.: AlHayat Media Center, Rejab 1437 Hijrah.

Muhammad Rashidi, Mohd Fauzi, Mohd Hizam, Ahmad El-Muhammady, Abdullaah, "Majalah *DABIQ* Sebagai Medium Propaganda," *Afkār* Vol. 23 Issue 2 (2021): 339-404

- Islamic State of Iraq and Sham. *DABIQ* (Issue 15). t.tp.: AlHayat Media Center, Syawal 1437 Hijrah.
- Islamic State of Iraq and Sham. *RUMIYAH* (Issue 1). t.tp.: AlHayat Media Center, Zulhijjah 1437 Hijrah).
- Islamic State of Iraq and Sham. *RUMIYAH* (Issue 7). t.tp.: AlHayat Media Center, Jamadilakhir 1438 Hijrah.
- Kerajaan Malaysia. *Kertas Periman 76 Tahun 2014: Kertas Putih ke Arah Menangani Ancaman Kumpulan Islamic State*. Malaysia: Dewan Rakyat / Dewan Negara, 2014.
- Ali, Mohamed. "The Islamic Doctrine of *al-Wala' wal Bara'* (Loyalty and Disavowal) in Modern Salafism." Tesis doktor falsafah, University of Exeter, United Kingdom, 2012.
- Mohd Fauzi Hamat et. al.. "Bidasan terhadap Penolakan Asha'irah sebagai Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah," *Jurnal al-Ummah* 1 (2019): 1-36.
- Mohd Fauzi Hamat, "Penolakan al-Asha'irah terhadap Huraian Tauhid *Rububiyyah* dan *Ulūhiyyah* Menurut Muhammad bin 'Abd al-Wahab (1703-1792M)." Makalah, Seminar Pemikiran Islam Peringkat Kebangsaan II, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 20-22 Julai 2010.
- Bāshumīl, Muḥammad Aḥmad. *Kayf Nafham al-Tawḥīd?* t.p.: t.p., 1406H.
- Muhammad ibn 'Abd al-Wahhāb. "Al-Risālah al-Tāsi'ah." Dalam *Majmū'ah al-Tawḥīd*. Riyadh: Maktabah al-Malik Fahd al-Waṭaniyyah, 1999: 167-169.
- Muhammad ibn 'Abd al-Wahhāb. *Kashf al-Shubuhāt*. Riyadh: Wizārah al-Shu'ūn al-Islāmiyyah wa al-Awqāf wa al-Dā'wah wa al-Irshād, 1419H.
- Muhammad Rashidi Wahab dan Mohd Fauzi Hamat, "Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, Asha'irah dan al-Ash'ari:

Muhammad Rashidi, Mohd Fauzi, Mohd Hizam, Ahmad El-Muhammady, Abdullaah, "Majalah *DABIQ* Sebagai Medium Propaganda," *Afkār* Vol. 23 Issue 2 (2021): 339-404

Satu Pengenalan," *Jurnal Penyelidikan Islam* 30 (2018): 1-37.

Muhammad Rashidi Wahab dan Syed Hadzrullahfi Syed Omar. "Takwilan Nas-nas Sifat *Mutashabihat* dalam Kalangan Salaf," *Global Journal Al-Thaqafah* 2, no. 2 (2012): 77-85.

Muhammad Rashidi Wahab et. al. "Sejarah Ekstremisme Sehingga Kemunculan ISIS/DAESH." Dalam *Liberalisme dan Ekstremisme: Wacana Pemikiran Kontemporari Islam*, ed. Rahimah Embong et al. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, 2020: 153-170.

Muhammad Rashidi Wahab, Mohd Shahrizal Nasir dan Syed Hadzrullahfi Syed Omar, "Implikasi Penafian *Majaz al-Quran* terhadap Nas-nas Sifat *Mutashabihat*," *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 8 (2014): 136-152.

Muhammad Rashidi Wahab, "Implikasi Pengajian Konsep Tauhid Tiga," laman sesawang *Berita Harian*, 6 Oktober 2016.

Muhammad Rashidi Wahab, "Kepentingan Ilmu Akidah sebagai Dasar Utama Islam," *AL-SIRAT: Jurnal Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah* 15 (2015): 36-50.

Muslim, Abī al-Ḥusayn Muslim ibn al-Ḥajjāj. *Sahīḥ Muslim*, ed. Muḥammad Fu’ad ‘Abd al-Bāqī. Kaherah: Dār Ibn Ḥazm, 2008.

Portal Rasmi Fatwa Malaysia, "Isu Umat Islam Malaysia Yang Berjuang Atas Nama ISIS," laman sesawang *Portal Rasmi Fatwa Malaysia*, 2014.

Razali Musa. "Pendekatan Hassan al-Hudaybi dalam Permasalahan Takfir: Aplikasinya dalam Isu-isu Politik di Malaysia." Tesis doktor falsafah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011.

Sawt al-Ummah. "al-Walā' wa al-Barā': Ra’is Jāmi‘ah al-Azhar Yuradd ‘alā al-Mutatarifin fī al-Qađiyat al-

Muhammad Rashidi, Mohd Fauzi, Mohd Hizam, Ahmad El-Muhammady, Abdullaah, "Majalah *DABIQ* Sebagai Medium Propaganda," *Afkār* Vol. 23 Issue 2 (2021): 339-404

- Fiqhiyyat al-Shā'ikah," laman sesawang *Sawt al-Ummat*, 30 Mac 2019.
- Sayyid Quṭb. *Fī Zilāl al-Qur'ān*. Kaherah: Dār al-Shurūq, 1972.
- Sayyid Quṭb. *Ma 'ālim fī al-Tariq*. Kaherah: Dār al-Shurūq, 1979.
- Sharaz Maher. *Salafi-Jihadism: The History of an Idea*. New York: Oxford Universiti Press, 2016.
- Siti Naqiyah Mansor, Salasiah Hanin Hamjah dan Izzah Nur Aida Zur Raffar, "Ideologi Gerakan *Islamic State of Iraq and Sham* (ISIS) di Malaysia," *ISLAMIYYAT: The International Journal of Islamic Studies* 40, no. 2 (2018): 95-103.
- Sulaymān ibn 'Abd al-Wahhāb. *Al-Sawā'iq al-Ilahiyyah fī al-Radd 'alā al-Wahhābiyyah*. Kaherah: Maktabah al-Qāhirah, 2008.
- Syed Hadzrullathfi Syed Omar dan Muhammad Rashidi Wahab, "Konsep Pengajian Tauhid Tiga: Satu Analisis," *Jurnal Kefahaman Ahli Sunnah Wal Jama'ah: Jurnal Berwasit Antarabangsa* 2 (2012): 55-84.
- The Royal Islamic Strategic Studies Centre. *The 500 Most Influential Muslims in the World 2010*. Jordan: The Royal Islamic Strategic Studies Centre, 2010.
- Utusan Online, "Tauhid Tiga Serangkai Doktrin Keganasan?" laman sesawang *Utusan Online*, 13 Disember 2017.
- Wakālah al-Nabā' al-Akhbār. “Anāṣir Dā'ish Yajlidūn Madaniyyīn fī al-Mawṣul bi Tuhmat al-Iḥtifāl bi al-Mawlid al-Nabawī,” laman sesawang *Wakālah al-Nabā' al-Akhbār*, 23 Disember 2015.
- Zakaria @ Mahmud Daud. *Muhammad Ibn Abd al-Wahhab*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014.

Muhammad Rashidi, Mohd Fauzi, Mohd Hizam, Ahmad El-Muhammady,  
Abdullaah, "Majalah *DABIQ* Sebagai Medium Propaganda," *Afkār* Vol. 23 Issue  
2 (2021): 339-404